Seharian Berzikir Sebagaimana Yang

Nabi

Shallallahu 'alaihi wa Salam

Lakukan

http://fiqh-sunnah.blogspot.com

Seharian Berzikir Sebagaimana Yang Nabi Shallallahu 'alaihi wa Salam Lakukan

http://fiqh-sunnah.blogspot.com

Berzikir kepada Allah adalah amalan yang terbaik dan merupakan cara yang mulia bagi seseorang hamba untuk mendekatkan diri kepada Allah yang Maha Suci dan Maha Tinggi. Allah memerintahkan hamba-Nya supaya berzikir kerana dengan berzikir kita akan diberi kelebihan dan manfaat yang banyak.

فَاذْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونِ (١٥٢)

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman,

"Dengan itu, ingatlah kamu kepada-Ku niscaya Aku ingat (pula) kepadamu, dan bersyukurlah kepada-Ku, dan janganlah kamu mengingkari (nikmat)-Ku." (Surah al-Baqarah, 2: 152)

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman,

وَاذْكُرْ رَبَّكَ فِي نَفْسِكَ تَضَرُّعًا وَخِيفَةً وَدُونَ الْجَهْرِ مِنَ الْقَوْلِ بِالْغُدُوِّ وَالْآصَالِ وَلَا تَكُنْ مِنَ الْغَافِلِينَ (٢٠٥)

"Dan sebutlah (nama) Tuhanmu di dalam hatimu dengan merendahkan diri dan perasaan takut, serta dengan tidak mengeraskan suara, di waktu pagi dan petang, dan janganlah kamu menjadi orang-orang yang lalai." (Surah al-A'raaf, 7: 205)

Juga firman-Nya,

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا (٤١)

"Wahai orang-orang yang beriman, berzikirlah (dengan menyebut nama) Allah, zikir yang sebanyak-banyaknya." (Surah al-Ahzaab, 33: 41)

Juga firman-Nya yang lain,

وَالذَّاكِرِينَ اللَّهَ كَثِيرًا وَالذَّاكِرَاتِ أَعَدَّ اللَّهُ لَهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا (٣٥)

"Lelaki dan perempuan yang banyak menyebut (nama) Allah, maka Allah telah menyediakan untuk mereka pengampunan dan pahala yang besar." (Surah al-Ahzaab, 33: 35)

Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa Salam bersabda,

"Mahukah kamu aku tunjukkan amalanmu yang terbaik, paling suci di sisi Rajamu (Allah), dan paling mengangkat darjatmu, lebih baik bagimu daripada menginfakkan emas atau perak, dan lebih baik bagimu daripada kamu bertemu dengan musuhmu, lalu kamu memenggal lehernya atau lehermu dipenggal?" Para sahabat yang hadir berkata, "Mahu wahai Rasulullah!" Beliau bersabda lagi, "Berzikir kepada Allah Yang Maha Tinggi"."[1]

Beliau Shallallahu 'alaihi wa Salam juga bersabda,

"Perumpamaan orang yang berzikir kepada Tuhannya dengan orang yang tidak berzikir kepada Tuhannya adalah seperti orang yang hidup dengan orang yang mati."[2]

Mereka yang banyak berzikir kepada Allah hatinya akan menjadi tenang.

Ini adalah sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Ta'ala,

أَلا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ (٢٨)

"... ingatlah, hanya dengan mengingati Allah hati akan menjadi tenang." (Surah ar-Ra'd, 13: 28)

Terdapat begitu banyak doa dan zikir yang telah ditunjukkan atau diajarkan oleh Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa Salam yang sewajarnya menjadi amalan bagi setiap muslim. Dengan mengamalkannya, ia akan menjadikan kita sentiasa mengingati Allah dan terhindar daripada menjadi orang yang lalai. Dengannya juga, Allah akan sentiasa memberi

---

[1] Hadis Riwayat at-Tirmidzi (no. 3377), Ibnu Majah (no. 3790). Lihat juga Shahih at-Tirmidzi (3/139, no. 2688) dan Shahih Ibni Majah (2/316, no. 3057), dari Sahabat Abud Darda' radhiyallahu 'anhu.

[2] Hadis Riwayat al-Bukhari (no. 6407 – Fathul Bari 11/208). Imam Muslim meriwayatkan dengan lafaz sebagaimana berikut: "Perumpamaan rumah yang digunakan untuk berzikir kepada Allah dengan rumah yang tidak digunakan untuk berzikir, adalah seperti orang hidup dengan orang yang mati." (Shahih Muslim (no. 779 (211)). Dari Abu Musa al-Asy'ari radhiyallahu 'anhu)

perlindungan agar kita dijauhkan dari pelbagai bentuk gangguan Syaitan yang terkutuk, kerana Syaitan adalah musuh yang nyata bagi setiap muslim.

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman,

"Sesungguhnya Syaitan itu adalah musuh bagimu, maka anggaplah ia sebagai musuh, kerana sesungguhnya Syaitan-syaitan itu hanya mengajak kelompoknya supaya mereka menjadi penghuni Neraka yang menyala-nyala." (Surah al-Fathir, 35: 6)

Di antara zikir yang telah ditunjukkan oleh Nabi Shallallahu 'alaihi wa Salam melalui hadis-hadis yang shahih adalah zikir di waktu pagi dan petang dan zikir selepas solat fardhu lima waktu.

Risalah kecil ini mempersembahkan kepada anda panduan dan bentuk-bentuk zikir di waktu pagi dan petang serta zikir selepas solat fardhu yang bertepatan dengan Sunnah Nabi Shallallahu 'alaihi wa Salam supaya dengannya ia akan mudah difahami, dihafal, dan diamalkan oleh para pembaca.

Melalui risalah ini, kami hanya membawakan hadis-hadis yang shahih dan hasan sahaja berdasarkan penilaian para ulama hadis.

Kami berdoa kepada Allah semoga risalah ini memberi manfaat bagi diri kami dan para pembaca. Mudah-mudahan Allah memberikan hidayah taufiq kepada kita supaya dapat mengamalkannya bertepatan dengan Sunnah yang mulia.

Semoga selawat dan Salam dicurahkan kepada Nabi Shallallahu 'alaihi wa Salam, keluarganya, para Sahabatnya, dan sesiapa yang mengikuti jejak mereka dengan baik sehingga ke hari Kiamat.

KELEBIHAN DOA DAN ZIKIR (MENGINGATI ALLAH SUBHANAHU WA TA'ALA)

Terdapat begitu banyak kelebihan doa dan zikir kepada kita. Maka di sini kami hanya menyebutkan sebahagian daripadanya yang di antaranya adalah,

1 – Meraih keredhaan Allah Subhanahu wa Ta'ala.

2 – Mengusir, menundukkan, dan menjadi pendinding daripada Syaitan.

3 – Melahirkan perasaan bahawa diri kita ini sentiasa diawasi oleh Allah sehingga menjadi pendorong untuk sentiasa melakukan perkara kebaikan.

4 – Melahirkan sifat merendah diri dan pasrah kepada Allah. Iaitu dia akan sentiasa memiliki sifat tawakkal yang tinggi di mana hanya kepada Allah tempat bergantung sama ada ketika susah atau pun senang dan kepada Allah kita akan dikembalikan.

5 – Mendekatkan diri kepada Allah. Seberapa banyak dia melakukan zikir kepada Allah, maka semakin dekatlah dia dengan Allah. Dan seberapa jauh dia lalai untuk berzikir, maka sejauh itulah jarak yang memisahkannya dengan Allah.

6 – Membukakan pintu yang luas dari pelbagai pintu ma'rifat.[3] Semakin banyak kita berzikir, maka semakin luas pintu ma'rifat yang dibukakan.

7 – Melahirkan rasa takut kepada Allah dan memuliakan-Nya.

8 – Menjadikan kita sentiasa mengingati Allah iaitu sebagaimana firman-Nya,

فَاذْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ ... (١٥٢)

---

[3] Ma'rifat diperolehi dengan cara:
1 – Mempelajari al-Qur'an dan as-Sunnah berdasarkan kefahaman para Sahabat radhiyallahu 'anhum.
2 – Mengamalkan segala yang wajib, sunnah, dan menjauhi apa yang dilarang di dalam agama.
3 – Ikhlas dalam beramal.
4 – Sentiasa mengikuti sunnah dan petunjuk dari Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa Salam.
5 – Sentiasa berzikir kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala.

“Kerana itu, iangatlah kamu kepada-Ku, niscaya Aku ingat (pula) kepadamu...” (Surah al-Baqarah, 2: 152)

9 – Menjadikan hati sentiasa hidup. Syaikhul Islam Ibnu Taimiyyah rahimahullah berkata, “Zikir bagi hati adalah ibarat seperti air dengan ikan. Maka apakah yang akan terjadi kepada ikan tersebut sekiranya ia dipisahkan dengan air?”

10 – Zikir merupakan santapan hati dan rohani. Jika hati dan roh kehilangan makanannya, maka samalah ia dengan badan yang tidak mendapatkan bekalan zat nutriennya. Pada suatu masa, kami (Ibnu Qayyim al-Jauziyyah) menemui Ibnu Taimiyyah yang sedang melaksanakan Solat Fardhu Subuh. Selepas solat, dia berzikir kepada Allah sehingga hampir pertengahan siang. Pada ketika itu, beliau menoleh kepadaku lalu berkata, “Inilah santapanku. Sekiranya aku tidak mendapat santapan ini, kekuatanku akan hilang.” Syaikhuil Islam Ibnu Taimiyyah juga pernah berkata kepada kami, “Aku tidak akan meninggalkan zikir, melainkan dengan niat memang itulah yang dikehendaki oleh jiwaku atau kerana aku ingin berehat. Bagiku berehat ini adalah persiapan untuk melakukan zikir yang berikutnya”.

11 – Membersihkan hati dari kekotoran. Kekotoran hati yang dimaksudkan adalah lalai dan bergelumangnya dengan hawa nafsu. Maka, cara untuk membersihkannya adalah dengan bertaubat dan memperbanyakkan istighfar.

12 – Menghilangkan kerisauan dan ketidakyakinan dalam mentaati Allah. Orang yang lalai, dia sering mengalami kerisauan terhadap soal hubungannya dengan Allah. Maka, kerisauan itu dapat dihilangkan dengan melaksanakan ibadah zikir.

13 – Takbir, tasbih, tahmid, dan tahlil yang diucapkan oleh seseorang di waktu dia berzikir, dapat membantu dirinya di waktu kesusahan. Ini adalah kerana Allah sentiasa mengingati hamba-hamba-Nya yang beriman dan melaksanakan amal-amal yang soleh.

14 – Seseorang yang mengenali Allah Subhanahu wa Ta’ala dengan cara berzikir di waktu senang, akan menjadikannya sentiasa mengingati Allah walau bagaimana pun keadaannya di waktu susah.

15 – Amalan berzikir kepada Allah mampu menjadi benteng yang manpan dari pelbagai keburukan dunia dan akhirat. Ia juga mampu menyelamatkan diri seseorang dari azab Allah, sebagaimana yang

dijelaskan oleh Mu'az bin Jabal radhiyallahu 'anhu sebagaimana yang dia fahami daripada Nabi Shallallahu 'alaihi wa Salam:

"Tidak ada amal yang dilakukan oleh anak Adam yang mampu menjaminnya dari dikenakan azab Allah Subhanahu wa Ta'ala, selain dari berzikir kepada-Nya."[4]

16 – Memberikan ketenangan dan penyebab datangnya rahmat. Orang-orang yang berzikir juga dia akan dikelilingi oleh para malaikat, sebagaimana yang pernah dijelaskan oleh Nabi Shallallahu 'alaihi wa Salam di dalam hadisnya.[5]

17 – Zikir juga dapat membantu pengamalnya dari melakukan perkara-perkara lisan yang dilarang seperti ghibah (mengumpat), berdusta, menghasut, mengata, dan mengeluarkan perkataan yang boleh menyakitkan perasaan orang lain.

Seseorang muslim yang soleh, dia perlulah sentiasa berkata dengan perkataan yang baik atau jika tidak, diam adalah lebih baik baginya. Sebagai seseorang muslim yang baik juga, dia wajib menjauhkan diri dari perbuatan mengumpat, berbohong, menghasut, memfitnah, dan segala perkara yang dilarang di dalam agama. Dengan itu, kita perlu sentiasa membersihkan lisan dengan memperbanyakkan amalan zikir kepada Allah.

Sesiapa yang sentiasa membiasakan lidahnya dengan amalan zikir, maka lidahnya akan lebih terjaga dari pelbagai jenis keburukan dan perkataan-perkataan yang sia-sia. Tetapi, bagi sesiapa yang lidahnya kering dari berzikir, maka keburukan dan kekejian akan lebih mudah untuk terungkap dari lidah dan mulutnya.

18 – Majlis Zikir merupakan majlis para malaikat, manakala majlis yang melalaikan serta permainan adalah merupakan majlis Syaitan. Seseorang muslim perlulah memilih mana yang lebih dia gemari dan lebih utama. Kerana dengan memahami sesuatu amalan berdasarkan mana yang lebih penting dan utama, maka begitulah dia menentukan tempatnya di dunia dan di akhirat.

19 – Malaikat sentiasa memohonkan keampunan kepada Allah bagi orang-orang yang berzikir. Dengan berzikir juga ia akan menghindarkan seseorang muslim itu dari sifat nifaq.

---

[4] Hadis Riwayat Ahmad (5/239) dan at-Timidzi (no. 3377)
[5] Hadis Riwayat Muslim (no. 2699) dan selainnya.

20 – Dengan berzikir kepada Allah, maka mereka akan merasa aman tenteram, begitu juga dengan mereka yang sentiasa dekat dengan Allah. Mereka adalah orang yang sentiasa mendapat keberkahan. Sebaliknya bagi orang-orang yang lalai, dia akan sentiasa merasa gundah-gulana di atas pelbagai kelalaiannya di dalam mengingati Allah.

21 – Berzikir kepada Allah sambil menitiskan air mata ketika bersendirian akan menjadi perlindungan kepada pengamalnya dari kepanasan terik matahari di padang Mahsyar pada hari Kiamat kerana dia akan dilindungi oleh 'Arsy Allah. Manakala mereka yang tidak berzikir kepada Allah maka dia tidak akan mendapat perlindungan yang dijanjikan tersebut.

22 – Zikir merupakan ibadah yang paling mudah, tetapi paling agung, mulia, dan paling besar kesannya. Antara sebabnya, gerakan lidah merupakan gerakan anggota badan yang paling ringan dan paling mudah.[6]

23 – Zikir merupakan tanaman Syurga, sebagaimana yang diriwayatkan oleh at-Tirmidzi dari hadis 'Abdullah bin Mas'oud, dia berkata, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa Salam bersabda: "Pada malam aku diisra'kan, aku bertemu Ibrahim al-Khalid, lalu dia berkata kepadaku: "Wahai Muhammad, sampaikanlah salamku kepada ummatmu dan beritahulah kepada mereka bahawa Syurga itu baik tanahnya, segar airnya, dan Syurga itu adalah merupakan taman, manakala tanamannya adalah:

"Maha Suci Allah, segala puji adalah milik-Nya, tidak ada tuhan (yang berhak disembah dengan benar) melainkan Allah dan Allah Maha Besar."[7]

Menurut at-Tirmidzi, hadis ini darjatnya hasan gharib[8]. Dia juga meriwayatkan dari Abu az-Zubair, dari Jabir, dari Nabi Shallallahu 'alaihi wa Salam, beliau bersabda:

"Sesiapa yang mengucapkan:

"Maha Suci Allah, aku memuji-Nya", Maka disediakan baginya pohon kurma di Syurga." At-Timirdzi menjelaskan bahawa hadis ini darjatnya hasan shahih.[9]

---

[6] Di antara contoh kalimah yang ringan di lidah dan berat di timbangan serta dicintai oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala: "Maha Suci allah, aku memuji-Nya, Maha Suci Allah Yang Maha Agung." (Hadis shahih Riwayat al-Bukhari (no. 6406) dan Muslim (no. 2694)). Dari Abu Hurairah radhiyallahu 'anhu.

[7] Lihat Silsilah al-Ahadis ash-Shahihah (no. 105). Di dalam riwayat Imam Muslim, perkataan yang dicintai oleh Allah itu ada empat: *"Subhanallah, Alhamdulillah, Laa ilaaha illallaah, Allaahu akhbar."*

[8] Lihat Shahih al-Adzkar oleh Syaikh Salim bin 'Ied al-Hilali (1/90, no. 34)

24 – Pemberian dan anugerah yang dilimpahkan atas sebab berzikir ini tidak dilimpahkan di atas sebab melakukan amal-amal yang lain. Di dalam ash-Shahihain (Shahih al-Bukhari dan Shahih Muslim) disebutkan, dari Abu Hurairah radhiyallahu 'anhu, bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa Salam bersabda:

"Sesiapa yang mengucapkan:

"Tidak ada tuhan (yang berhak disembah dengan benar) melainkan hanya Allah Yang Maha Esa, tidak ada sekutu bagi-Nya. Bagi-Nya kerajaan dan pujian. Dia Maha berkuaasa ke atas segala sesuatu". (Sebanyak) seratus kali dalam sehari, maka dia mendapat pahala sebagaimana pahala membebaskan sepuluh orang hamba wanita, ditetapkan bagi dirinya seratus kebaikan, dihapuskan darinya seratus keburukan dan perkara tersebut menjadi perlindungan dari segala bentuk gangguan Syaitan pada hari tersebut sehingga ke petang hari, dan tidak ada seseorang yang membawa sesuatu yang lebih baik dari apa yang dibawa oleh orang tersebut, melainkan mereka yang melakukannya dengan lebih banyak lagi."[10]

Dari Abu Hurairah radhiyallahu 'anhu, dia berkata:

"Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa Salam bersabda: "Aku mengucapkan, "Maha Suci Allah, segala Puji Milik-Nya, tidak ada tuhan (yang berhak disembah dengan benar) melainkan Allah, Allah Maha Besar", lebih aku sukai dari terbitnya matahari."[11]

Dari Tsauban radhiyallahu 'anhu, ia berkata bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa Salam bersabda: "Sesiapa yang pada pagi hari dan petangnya mengucapkan:

"Aku redha Allah sebagai Tuhan (Rabb)ku, Islam sebagai agamaku, dan Muhammad Shallallahu 'alaihi wa Salam sebagai Nabi-ku", maka Allah juga berhak untuk meredhainya."[12]

Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa Salam bersabda: "Sesiapa yang masuk ke pasar lalu mengucapkan:

---

[9] Lihat Shahih al-Adzkar oleh Syaikh Salim bin 'Ied al-Hilali (1/90, no. 35)

[10] Hadis Riwayat al-Bukhari (no. 3293, 6403 – Fathul Bari, 6/338 dan 11/201). Muslim di dalam Syarh Muslim, 17/16-17)

[11] Hadis Riwayat Muslim (no. 2695 (32)). At-Tirmidzi (no. 3597).

[12] Diriwayatkan oleh at-Tirmidzi (no. 3389) dan selainnya. Hadis hasan, lihat Shahih al-Waabilish Shayyid, m/s. 88-89)

“Tiada tuhan (yang berhak disembah dengan benar) melainkan Allah sahaja yang tiada sekutu bagi-Nya, bagi-Nya kekuasaan (kerajaan) dan pujian, Yang menghidupkan dan mematikan, Dia hidup dan tidak mati, di tangan-Nya segala kebaikan dan Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu”, maka Allah menetapkan baginya sejuta kebaikan, menghapus sejuta kesalahan, dan meninggikan baginya sejuta darjat.”[13]

25 – Terus menerus berzikir kepada Allah akan menjadikan hati seseorang tidak lalai dari mengingati Allah. Kerana dengan hati yang lalai dari mengingati Allah ia menjadi sebab penderitaan hamba di dunia dan di akhirat. Sesiapa saja yang lalai dari mengingati Allah, ia akan lalai terhadap dirinya dan kepentingannya, dan dia akan binasa.

Allah Subhanahu wa Ta’ala berfirman:

وَلا تَكُونُوا كَالَّذِينَ نَسُوا اللَّهَ فَأَنْسَاهُمْ أَنْفُسَهُمْ أُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ (١٩)

“Dan janganlah kamu seperti orang-orang yang lupa kepada Allah, lalu Allah menjadikan mereka lupa kepada diri mereka sendiri. Mereka itulah orang-orang yang fasiq.” (Surah al-Hasyr, 59: 19)

Allah berfirman:

وَمَنْ أَعْرَضَ عَنْ ذِكْرِي فَإِنَّ لَهُ مَعِيشَةً ضَنْكًا وَنَحْشُرُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَعْمَى (١٢٤)قَالَ رَبِّ لِمَ حَشَرْتَنِي أَعْمَى وَقَدْ كُنْتُ بَصِيرًا (١٢٥)قَالَ كَذَلِكَ أَتَتْكَ آيَاتُنَا فَنَسِيتَهَا وَكَذَلِكَ الْيَوْمَ تُنْسَى (١٢٦)

“Dan sesiapa yang berpaling dari peringatan-Ku, maka sesungguhnya bagi dirinya kehidupan yang sempit, dan Kami akan menghimpunkannya pada hari Kiamat dalam keadaan buta. Berkatalah ia, “Ya Tuhanku, mengapa Engkau membangkitkanku dalam keadaan yang buta, sedangkan aku dahulu adalah orang yang melihat?” Allah berfirman: “Demikianlah, telah datang kepadamu ayat-ayat Kami, tetapi kamu melupakannya, dan begitu (pula) pada hari ini kamu pun dilupakan.” (Surah Thoha, 20: 124-126)

[13] Hadis Riwayat at-Tirmidzi (no. 3429). Ibnu Majah (no. 2235). Ahmad (1/47) dan yang lainnya, dari Ibnu ‘Umar radhiyallahu ‘anhuma. Hadis ini hasan, lihat takhrijnya di dalam Shahih al-Wabilish Shayyib, m/s. 250-256).

Ertinya, engkau dilupakan dalam lembah azab, sebagaimana engkau melupakan ayat-ayat-Ku dan tidak mahu mengamalkannya.

Berpaling dari mengingati Allah juga menjadikannya berpaling dari mengingati apa yang diturunkan Allah di dalam Kitab-Nya. Akhirnya, akibat dari perbuatannya dia lupa terhadap perkara-perkara yang telah disebutkan Allah di dalam Kitab-Nya, lupa terhadap Asma'-Nya, sifat-sifat-Nya, perintah, anugerah, dan nikmat-nikmat-Nya. Ini semua sebagai akibat berpaling dari kitab Allah. Dengan kata lain, "Sesiapa yang berpaling dari Kitab-Ku, tidak mahu membacanya, tidak mendalaminya, tidak memahaminya, dan tidak mengamalkannya, maka kehidupannya akan menjadi sempit dan dia akan sentiasa tersiksa."[14]

Keadaan ini adalah berbeza dengan mereka yang diberi kebahagian dan kemudahan hidup. Kehidupan mereka di dunia dipenuhi dengan kebaikan manakala kehidupan mereka di akhirat mendapat kesenangan dengan ganjaran pahala yang berlipat ganda.

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهُ حَيَاةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ (٩٧)

"Sesiapa yang mengerjakan amal soleh, sama ada lelaki atau pun perempuan serta dalam keadaan beriman, maka sesungguhnya akan Kami berikan kepadanya kehidupan yang baik. Dan benar-benar akan Kami beri balasan kepada mereka dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan. (Surah an-Nahl, 16: 97)

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

وَأَنِ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ يُمَتِّعْكُمْ مَتَاعًا حَسَنًا إِلَى أَجَلٍ مُسَمًّى وَيُؤْتِ كُلَّ ذِي فَضْلٍ فَضْلَهُ وَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ كَبِيرٍ (٣)

"Dan hendaklah kamu meminta ampun kepada Tuhanmu dan bertaubat kepada-Nya. (Jika kamu melakukan yang demikian), niscaya Dia akan memberi kenikmatan yang baik (dengan terus menerus) kepadamu sehingga ke waktu yang telah ditentukan dan Dia akan memberi kepada

[14] Shahih al-Wabilish Shayyib, m/s. 91.

setiap orang yang mempunyai keutamaan dengan haknya. Jika kamu berpaling, maka sesungguhnya aku takut kamu akan ditimpa siksa hari Kiamat.” (Surah Huud, 11: 3)

Dan firman-Nya:

قُلْ يَا عِبَادِ الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا رَبَّكُمْ لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا فِي هَذِهِ الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَأَرْضُ اللَّهِ وَاسِعَةٌ إِنَّمَا يُوَفَّى الصَّابِرُونَ أَجْرَهُمْ بِغَيْرِ حِسَابٍ (١٠)

“Katakanlah: “Wahai hamba-hamba-Ku yang beriman, bertaqwalah kepada Tuhanmu”. Orang-orang yang melakukan kebaikan di dunia ini mendapat kebaikan. Dan bumi Allah ini adalah luas. Sesungguhnya hanya orang-orang yang bersabar akan disempurnakan pahala mereka tanpa batas.” (Surah az-Zumar, 39: 10)

26 – Zikir menjadi cahaya bagi mereka yang berzikir di dunia, cahaya ketika di barzakh, cahaya ketika dia meninggal dunia, dan ia menerangi ketika di atas (titian) ash-Shirath, dan tidak ada yang dapat menerangi kegelapan kubur dan hati melainkan hanya dengan berzikir mengingati Allah.

Allah Subhanahu wa Ta’ala berfirman:

أَوَمَنْ كَانَ مَيْتًا فَأَحْيَيْنَاهُ وَجَعَلْنَا لَهُ نُورًا يَمْشِي بِهِ فِي النَّاسِ كَمَنْ مَثَلُهُ فِي الظُّلُمَاتِ لَيْسَ بِخَارِجٍ مِنْهَا كَذَلِكَ زُيِّنَ لِلْكَافِرِينَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ (١٢٢)

“Dan adakah mereka yang telah mati, kemudian dia Kami hidupkan dan Kami berikan kepadanya cahaya yang terang, yang mana dengan cahaya tersebut dia dapat berjalan di tengah-tengah masyarakat manusia, sama seperti orang-orang yang keadaannya berada dalam gelap-gelita yang sekali-kali tidak dapat keluar darinya? Begitulah Kami jadikan orang yang kafir itu memandang baik terhadap apa yang mereka telah lakukan.” (Surah al-An’am, 6: 122)

27 – Zikir merupakan pangkal sesebuah laluan atau jalan manusia secara umum yang membuka kepada kecintaan. Sesiapa yang dibukakan untuk berzikir, bermakna dia telah dibukakan untuk menuju Allah.

28 – Di dalam hati ada terdapat suatu sudut dan ruang di mana sama sekali tidak boleh diisi melainkan dengan zikir. Jika zikir telah menjadi

santapan hati, maka di situlah zikir akan mampu memenuhi ruang tersebut sehingga manusia menjadi kaya bukan dengan hartanya, dipandang tinggi bukan kerana keturunannya, serta disegani bukan kerana kekuasaannya. Begitulah sikap mereka yang sentiasa berzikir. Namun, jika mereka lalai dari berzikir, maka keadaannya akan bertukar menjadi sebaliknya, ia miskin walaupun hartanya banyak, hina walaupun berada di tampuk kuasa, dan tidak mendapat perhatian walaupun keturunannya dari golongan yang hebat-hebat.

29 – Zikir dapat menyatukan mereka yang bertelingkah, mendekatkan yang jauh, dan menjauhkan yang dekat. Apa yang berkecamuk di dalam hati dapat disatukan kembali, hasratnya yang jauh dapat dicapai dengan ketenangan. Siksaan yang paling pedih adalah sekiranya apa yang terdapat di dalam hatinya berkecamuk dan bercerai-berai. Hati manusia menjadi hidup dan merasa nikmat apabila kehendak atau keinginan hatinya dapat dicapai dihimpunkan menjadi satu.

30 – Zikir mampu membangunkan hati dari keadaan yang selalu tidur dan membangunkannya dari keadaan yang selalu mengantuk. Jika hati selalu terlena dan mengantuk, maka ia akan kehilangan begitu banyak peluang keuntungan, di mana seterusnya dia akan mengalami kerugian. Sekiranya ia terjaga dan menyedari apa yang terlepas dari tangannya sepanjang dalam tidurnya, maka dia akan merasa sangat menyesal, lalu dia pasti akan berusaha kembali menghidupkan sisa umurnya dengan mencari apa yang telah terlepas hilang dari genggaman tangannya. Tidak ada yang dapat membangkitkan dirinya dari keadaan tersebut melainkan dengan zikir. Sebenarnya kelalaian tersebut adalah merupakan tidur yang nyenyak.

31 – Zikir yang diasaskan dengan tauhid merupakan sebatang pohon yang menghasilkan pengetahuan dan keadaan yang dapat dilalui oleh orang-orang yang menuju kepada Allah. Tidak ada cara untuk mendapatkan buahnya melainkan dari pohon zikir. Jika pohon tersebut semakin besar dan akarnya mapan, maka ia akan memberikan hasil yang lebih baik berupa buah yang berkualiti.

32 – Mereka yang berzikir (mengingati Allah) sentiasa merasa dekat dengan Allah di mana Allah sentiasa bersamanya. Sifat “Kebersamaan” ini adalah satu bentuk sifat yang khusus, ia tidak dimaksudkan sebagai kebersamaan seperti duduk (berada) bersebelahan tetapi sifat

kebersamaan kerana dekatnya kasih sayang, cinta, pertolongan, serta taufiq dari-Nya.[15]

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

إِنَّ اللَّهَ مَعَ الَّذِينَ اتَّقَوْا ... (١٢٨)

"Sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang bertaqwa..." (Surah an-Nahl, 16: 128)

... وَاللَّهُ مَعَ الصَّابِرِينَ (٢٤٩)

"... Dan Allah berserta orang-orang yang sabar." (Surah al-Baqarah, 2: 249)

... وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ (٦٩)

"... Dan sesungguhnya Allah benar-benar bersama orang-orang yang melaksanakan kebajikan." (Surah al-'Ankabut, 29: 69)

... لا تَحْزَنْ إِنَّ اللَّهَ مَعَنَا ... (٤٠)

"Janganlah engkau bersedih hati, kerana sesunguhnya Allah bersama kita..." (Surah at-Taubah, 9: 40)

---

[15] *Ma'iyyah* (kebersamaan) adalah satu sifat dari sifat-sifat Allah, dan *ma'iyyah* ini terbahagi menjadi dua:
1 – *Ma'iyyah khusus*, iaitu kebersamaan Allah dengan makhluk-Nya yang kita tidak tahu bagaimana kaifiyatnya (caranya), melainkan Allah lebih lebih mengetahuinya. *Ma'iyyah* ini mengandungi maksud bahawa Allah meliputi hamba-Nya yang dicintai, menolongnya, memberikan taufiq, menjaganya dari kebinasaan, serta seumpamanya.
2 – *Ma'iyyah umum*, iaitu kebersamaan Allah dengan makhluk-Nya, di mana Allah mengetahui keadaan hamba-hamba-Nya dan Allah tahu semua keadaan mereka, tindak-tanduk mereka yang zahir atau pun yang batin, dan keadaan ini tidak semestinya menunjukkan bahawa Allah menyatu dengan hamba-Nya, kerana Allah tidak boleh diserupakan dengan makhluk-Nya. Dan tingginya Allah di atas makhluk-Nya tidak menafikan kebersamaan Allah terhadap hamba-hamba-Nya, berbeza dengan makhluk, kerana keberadaan makhluk itu secara langsung akan melibatkan kedudukan atau tempat (arah). Dan di sini perlu kita fahami bahawa Allah tidak sama dengan sesuatu pun kerana kesempurnaan ilmu dan kekuasaan-Nya. (Rujuk: Ta'liq ke atas at-Tanbiihat al-Lathiifah, m/s. 45, oleh Syaikh 'Abdul 'Aziz bin 'Abdullah bin Baaz rahimahullah).

Dengan sifat *ma'iyyah* (kebersamaan) ini, mereka yang sentiasa berzikir akan memperolehi nikmat yang banyak, sebagaimana yang disebutkan melalui hadis qudsi:

"Aku bersama hamba-Ku selagi dia mengingati-Ku dan kedua bibirnya bergerak kerana Aku."[16]

33 – Zikir merupakan penyembuh dan penawar bagi penyakit hati. Hati yang sakit hanya dapat disembuhkan dengan berzikir kepada Allah. Sehingga dalam persoalan ini Imam Mak-hul pernah berkata: "Mengingati Allah itu merupakan kesembuhan, dan mengingati manusia itu merupakan penyakit."

34 – Zikir menghadirkan selawat dari Allah dan para Malaikat-Nya. Sesiapa yang mendapatkan selawat Allah dan para Malaikat-Nya, maka dia adalah orang yang sangat beruntung.

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا (٤١)وَسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَأَصِيلا (٤٢)هُوَ الَّذِي يُصَلِّي عَلَيْكُمْ وَمَلائِكَتُهُ لِيُخْرِجَكُمْ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ وَكَانَ بِالْمُؤْمِنِينَ رَحِيمًا (٤٣)

"Wahai orang-orang yang beriman, berzikirlah (dengan menyebut nama) Allah, zikir yang sebanyak-banyaknya. Dan bertasbihlah kepada-Nya di waktu pagi dan petang. Dialah yang memberi rahmat kepadamu dan Malaikat-Nya (memohon keampunan untuk dirimu), supaya Dia mengeluarkan kamu dari kegelapan kepada cahaya (yang terang). Dan Dia Maha Penyayang kepada orang-orang yang beriman." (Surah al-Ahzaab, 33: 41-43)

Selawat dari Allah Subhanahu wa Ta'ala dan para Malaikat-Nya ini merupakan sebab untuk mengeluarkan mereka dari kegelapan menuju cahaya.

35 – Berzikir kepada Allah membantu mengatasi kesulitan dan meringankan beban hidup yang berat. Kesulitan dan kesukaran akan

---

[16] Hadis Riwayat Ibnu Majah (no. 3792), Ahmad (2/540), al-Hakim (1/496) dan Ibnu Hibban (no. 2316 – al-Mawaarid). Sahih.

menjadi mudah, di ketika mana seseorang sentiasa berzikir mengingati Allah.

36 – Berzikir kepada Allah menghilangkan perasaan takut di dalam hati sehingga mampu memberikan rasa tenang dan tenteram di dalam hati. Tiada yang lebih baik bagi mereka yang diselubungi perasaan takut melainkan dengan berzikir kepada Allah.

37 – Dengan berzikir kepada Allah, ia mampu melahirkan kekuatan sehinggakan ia mampu membangkitkan semangat seseorang untuk lebih kuat melakukan sesuatu pekerjaan.

Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wa Salam pernah mendidik puterinya, Fatimah serta ‘Ali bin Abi Thalib supaya mereka bertasbih sebanyak 33 kali di waktu malam ketika hendak masuk tidur, bertahmid sebanyak 33 kali, dan bertakbir sebanyak 34 kali. Pesanan ini diberikan oleh Rasulullah ketika mana Fatimah meminta seorang pembantu untuk membantu pekerjaannya yang dikeluhkannya sebagai berat iaitu untuk menjalankan alat penggiling di samping menjalankan pelbagai tugas rumahtangga. Dan Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wa Salam bersabda: “Yang demikian adalah lebih baik bagi kamu berdua daripada mengambil seorang hamba (pelayan).”[17]

38 – Berzikir adalah sebagai tanda-tanda asas beryuskur seseorang itu terhadap Tuhannya. Orang yang tidak berzikir adalah orang yang tidak bersyukur kepada Allah. Zikir dan syukur adalah dua kombinasi kebahagian dan kejayaan. Allah Subhanahu wa Ta’ala berfirman:

فَاذْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونِ (١٥٢)

“Dengan itu, ingatlah kamu kepada-Ku niscaya Aku ingat (pula) kepadamu, dan bersyukurlah kepada-Ku, dan janganlah kamu mengingkari (nikmat)-Ku.” (Surah al-Baqarah, 2: 152)

39 – Dan turut termasuk di dalam perbuatan berzikir kepada Allah adalah dengan melaksanakan perintah-Nya, menjauhi larangan-Nya, dan melaksanakan hukum-hukum-Nya.[18]

---

[17] Hadis Riwayat al-Bukhari (no. 3705 – Fathul Bari, 7/71). Muslim (no. 2727/ Syarah M/uslim, 17/45)

[18] Diringkaskan dengan sedikit perubahan dari kitab Shahih al-Waabilish Shayyib minal Kalimith Thayyib, m/s. 82-155. Ibnu Qayyim al-Jauziyyah, tahqiq Syaikh Salim bin ‘Ied al-Hilali, cet. 3, Dar Ibnil Jauzi, 1416H.

ZIKIR DI WAKTU PAGI DAN PETANG

Dari Anas bin Malik radhiyallahu ‘anhu, dia menjelaskan bahawa Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wa Salam bersabda:

“Aku duduk bersama orang-orang yang berzikir kepada Allah bermula dari solat Subuh sehinggalah terbit matahari adalah lebih aku sukai daripada memerdekakan empat orang hamba dari keturunan Ismail. Dan aku duduk bersama mereka yang berzikir kepada Allah bermula dari solat ‘Asar sehinggalah terbenam matahari lebih aku cintai daripada memerdekakan empat orang hamba.”[19]

Ibnul Qayyim rahimahullah berkata:

Waktu berzikir (pagi dan petang) adalah di antara Subuh sehingga terbit matahari (bagi sebelah pagi), dan di antara ‘Asar sehingga terbenam matahari (bagi sebelah petangnya).”

Dalil Dari al-Qur’an Berkenaan Zikir Pagi dan Petang:

Allah Subhanahu wa Ta’ala berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا (٤١)وَسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَأَصِيلا (٤٢)

“Wahai orang-orang yang beriman, berzikirlah (dengan menyebut nama) Allah dengan sebanyak-banyaknya. Dan bertasbihlah kepada-Nya di waktu pagi dan petang.” (Surah al-Ahzaab, 33: 41-42)

Al-Jauhari (seorang ahli bahasa Arab) berkata:

““أَصِيلا” membawa maksud waktu di antara ‘Asar sehingga Maghrib.”

فَاصْبِرْ إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ وَاسْتَغْفِرْ لِذَنْبِكَ وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ بِالْعَشِيِّ وَالإِبْكَارِ (٥٥)

“Maka bersabarlah kamu, kerana sesungguhnya janji Allah itu benar, dan mohonlah keampunan bagi dosa-dosamu dan bertasbihlah lalu memuji Tuhan-mu di waktu pagi dan petang.” (Surah al-Mu’min, 40: 55)

[19] Hadis Riwayat Abu Daud (no. 3667), lihat Shahih Abi Daud (2/698, no. 3114) dan Misykah al-Masyabih (no. 970). Hadis ini Hasan.

“اَلإِبْكَارِ” ertinya adalah “awal waktu siang”. Manakala “الْعَشِيِّ” ertinya adalah “akhir waktu siang hari”.

Allah Subhanahu wa Ta’ala berfirman:

فَاصْبِرْ عَلَى مَا يَقُولُونَ وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ قَبْلَ طُلُوعِ الشَّمْسِ وَقَبْلَ الْغُرُوبِ (٣٩)

“Maka bersabarlah kamu terhadap apa yang mereka katakan dan bertasbihlah dengan memuji Tuhan-mu sebelum terbit matahari dan sebelum terbenam (matahari).” (Surah Qaaf, 50: 39)

Penafsiran tersebut adalah berdasarkan apa yang telah disebutkan oleh Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wa Salam melalui hadis-hadisnya. (Lihat penjelasan Imam Ibnul Qayyim rahimahullah dalam Shahih al-Wabilish Shayyib, m/s. 165-166)

LAFAZ-LAFAZ ZIKIR DI WAKTU PAGI

أَعُوْذُ بِاللهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيْمِ

"Aku berlindung kepada Allah dari gangguan Syaitan yang terkutuk"

اللَّهُ لا إِلَهَ إِلا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لا تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضَ وَلا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ (٢٥٥)

"Allah, tidak ada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Maha Hidup lagi terus menerus mengurus (makhluk-Nya), tidak mengantuk dan tidak tidur. Kepunyaan-Nya apa yang ada di langit dan di bumi. Tidak ada yang dapat memberi syafa'at di sisi Allah tanpa izin-Nya. Allah mengetahui apa sahaja yang berada di hadapan mereka, dan di belakang mereka serta apa yang mereka tidak ketahui dari ilmu Allah melainkan apa yang dikehendaki-Nya. Kursi Allah meliputi langit dan bumi. Dan Allah tidak merasa berat memelihara keduanya, Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar." (Surah al-Baqarah, 2: 255) (dibaca 1 kali)[20]

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

"Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang."

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ (١)اللَّهُ الصَّمَدُ (٢)لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ (٣)وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ (٤)

"Katakanlah: "Dialah Allah Yang Maha Esa. Allah adalah (Tuhan) di mana setiap sesuatu bergantung kepada-Nya. Dia tidak beranak dan tidak pula

[20] Nabi Shallallahu 'alaihi wa Salam bersabda: Sesiapa yang membaca ayat ini di waktu pagi hari, maka dia dilindungi dari gangguan jin sehingga petang hari. Dan sesiapa mengucapkannya ketika petang hari, maka ia dilindungi dari (gangguan) jin sehingga pagi hari." (Hadis Riwayat al-Hakim (1/562), Shahih at-Targhib wat-Tarhib (1/418, no. 662). Hadis ini Shahih)

diperanakkan. Dan tidak ada seorang pun yang setara dengan-Nya”.” (Surah al-Ikhlas, 112: 1-4) (dibaca 3 kali)[21]

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.”

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ (١)مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ (٢)وَمِنْ شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ (٣)وَمِنْ شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ (٤)وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ (٥)

“Katakanlah: “Aku berlindung kepada Tuhan yang menguasai (waktu) Subuh dari kejahatan makhluk-Nya. Dan dari kejahatan malam apabila telah gelap-gelita. Dan dari kejahatan wanita-wanita tukang sihir yang meniup simpulan tali. Serta dari kejahatan orang yang dengki apabila dia dengki”.” (Surah al-Falaq, 113: 1-5) (dibaca 3 kali)[22]

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.”

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ (١)مَلِكِ النَّاسِ (٢)إِلَهِ النَّاسِ (٣)مِنْ شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ (٤)الَّذِي يُوَسْوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ (٥)من للجنة و الناس(٦)

“Katakanlah: “Aku berlindung kepada Tuhan (yang memelihara dan menguasai) manusia. Raja manusia. Sembahan (ilah) manusia. Dari kejahatan (bisikan) Syaitan yang biasa bersembunyi. Yang membisikkan (kejahatan) ke dalam dada-dada manusia. Dari golongan jin dan manusia.” (Surah an-Nas, 114: 1-6) (dibaca 3 kali)[23]

---

[21] Hadis Riwayat Abu Daud (no. 5082), an-Nasa’i (8/250), dan at-Tirmidzi (no. 3575), Ahmad (5/312), Shahih at-Tirmidzi (no. 2829), Tuhfatul Ahwadzi (no. 3646), Shahih at-Targhib wat-Tarhib (1/411, no. 649). Hadis ini Hasan shahih.

[22] Ibid.

[23] “Sesiapa yang membaca tiga surah tersebut di setiap waktu pagi dan petang hari, maka (tiga surah tersebut) cukup baginya dari segala sesuatu.” Iaitu ia membantu mencegah dari pelbagai gangguan kejahatan. At-Tirmidzi berkata: “Hadis ini Hasan shahih”. Hadis Riwayat Abu Daud (no. 5082), an-Nasa’i (8/250), dan at-Tirmidzi (no. 3575), Ahmad (5/312), dari ‘Abdullah bin Khubaib. Shahih at-Tirmidzi (no. 2829), Tuhfatul Ahwadzi (no. 3646), Shahih at-Targhib wat-Tarhib (1/411, no. 649). Hadis ini Hasan shahih.

أَصْبَحْنَا وَأَصْبَحَ الْمُلْكُ لِلَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، لاَ إِلَـــهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرُ. رَبِّ أَسْأَلُكَ خَيْرَ مَا فِيْ هَذَا الْيَوْمِ وَخَيْرَ مَا بَعْدَهُ، وَأَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا فِيْ هَذَا الْيَوْمِ وَشَرِّ مَا بَعْدَهُ، رَبِّ أَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْكَسَلِ وَسُوْءِ الْكِبَرِ، رَبِّ أَعُوْذُ بِكَ مِنْ عَذَابٍ فِي النَّارِ وَعَذَابٍ فِي الْقَبْرِ.

"Kami telah memasuki waktu pagi dan kerajaan (kuasa pemerintahan) hanya miliki Allah, segala puji hanya milik Allah. Tidak ada tuhan (yang berhak disembah dengan benar) melainkan Allah Yang Maha Esa, tiada sekutu bagi-Nya. Bagi-Nya kerajaan dan bagi-Nya pujian. Dialah Yang Maha Kuasa atas segala sesuatu. Ya Allah, aku meminta kepada-Mu kebaikan di hari ini dan kebaikan selepasnya. Aku berlindung kepada-Mu dari kejahatan hari ini dan kejahatan selepasnya. Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu dari kemalasan dan keburukan di hari tua. Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu dari siksa neraka dan siksa kubur." (dibaca 1 kali)[24]

اَللَّهُمَّ بِكَ أَصْبَحْنَا، وَبِكَ أَمْسَيْنَا، وَبِكَ نَحْيَا، وَبِكَ نَمُوْتُ وَإِلَيْكَ النُّشُوْرُ

"Ya Allah, dengan rahmat serta pertolongan-Mu kami memasuki waktu pagi, dan dengan rahmat serta pertolongan-Mu kami memasuki waktu petang. Dengan rahmat serta kehendak-Mu kami hidup dan dengan rahmat serta kehendak-Mu kami mati. Dan kepada-Mu kebangkitan (bagi semua makhluk)." (dibaca 1 kali)[25]

Membaca SAYYIDUL ISTIGHFAR:

اَللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّيْ لاَ إِلَـــهَ إِلاَّ أَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ، وَأَبُوْءُ بِذَنْبِيْ فَاغْفِرْ لِيْ فَإِنَّهُ لاَ يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ إِلاَّ أَنْتَ

---

[24] Hadis Riwayat Muslim (no. 2723), Abu Daud (no. 5071), dan at-Tirmidzi (no. 3390). Hadis ini Shahih. Dari 'Abdullah bin Mas'oud radhiyallahu 'anhu.

[25] Hadis Riwayat al-Bukhari dalam Adabul Mufrad (no. 1199), dan lafaz tersebut adalah milik al-Bukhari. At-Tirmidzi (no. 3391), Abu Daud (no. 5068), Ahmad (2/354), Ibnu Majah (no. 3868), dari Abu Hurairah radhiyallahu 'anhu. Lihat Shahih al-Ahadis ash-Shahihah (no. 262). Hadis ini Shahih.

“Ya Allah, Engkau adalah Tuhan-ku, tidak ada tuhan (yang berhak disembah dengan benar) melainkan Engkau, Engkau-lah yang menciptakanku. Aku adalah hamba-Mu. Aku akan setia terhadap perjanjian-Mu dengan sedaya upaya. Aku berlindung kepada-Mu dari sebarang keburukan yang aku timbulkan. Aku mengakui nikmat-Mu (yang diberikan) kepadaku dan aku mengakui dosaku, maka dengan itu, ampunilah aku. Sesungguhnya tidak ada yang dapat mengampuni dosa melainkan Engkau. (dibaca 1 kali)[26]

اَللَّهُمَّ عَافِنِيْ فِيْ بَدَنِيْ، اَللَّهُمَّ عَافِنِيْ فِيْ سَمْعِيْ، اَللَّهُمَّ عَافِنِيْ فِيْ بَصَرِيْ، لاَ إِلَـــهَ إِلاَّ أَنْتَ، اَللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْكُفْرِ وَالْفَقْرِ، وَأَعُوْذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ، لاَ إِلَـــهَ إِلاَّ أَنْتَ

“Ya Allah, selamatkanlah tubuhku (dari penyakit dan dari apa yang tidak aku inginkan). Ya Allah, selamatkanlah pendengaranku (dari penyakit dan maksiat atau dari apa yang tidak aku inginkan). Ya Allah, selamatkanlah penglihatanku, tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Engkau. Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu dari kekufuran dan kefakiran. Aku berlindung kepada-Mu dari siksa kubur, tidak ada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Engkau.” (dibaca 3 kali)[27]

اَللَّهُمَّ إِنِّيْ أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، اَللَّهُمَّ إِنِّيْ أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فِي دِيْنِيْ وَدُنْيَايَ وَأَهْلِيْ وَمَالِيْ، اَللَّهُمَّ احْفَظْنِيْ مِنْ بَيْنِ يَدَيَّ، وَمِنْ خَلْفِيْ، وَعَنْ يَمِيْنِيْ وَعَنْ شِمَالِيْ، وَمِنْ فَوْقِيْ، وَأَعُوْذُ بِعَظَمَتِكَ أَنْ أُغْتَالَ مِنْ تَحْتِيْ

“Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kebaikan dan keselamatan di dunia dan akhirat. Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kebaikan dan keselamatan dalam agama, dunia, keluarga, dan hartaku. Ya Allah, tutupilah auratku (aib dan sesuatu yang tidak patut dilihat orang) dan tenteramkanlah aku dari perasaan takut. Ya Allah, peliharalah aku dari

---

[26] “Sesiapa yang membacanya dengan yakin di waktu pagi lalu dia meninggal sebelum masuk waktu petang, maka dia tergolong sebagai ahli Syurga. Dan sesiapa yang membacanya dengan yakin di waktu petang lalu meninggal sebelum masuk waktu pagi, maka dia tergolong sebagai ahli Syurga.” (Hadis Riwayat al-Bukhari (no. 6306, 6323), Ahmad (4/122, 125), dan an-Nasa’I (8/279-280) dari Syaddad bin Aus radhiyallahu ‘anhu).

[27] Hadis Riwayat al-Bukhari dalam Adabul Mufrad (no. 701), Abu Daud (no. 5090), dan Ahmad (5/42) dari Abu Bakrah radhiyallahu ‘anhu. Lihat Shahih al-Adabil Mufrad (no. 539). Hadis ini Hasan.

depan, belakang, kanan, kiri, dan dari atasku. Aku berlindung dengan kebesaran-Mu, supaya aku tidak disambar dari bawahku (aku berlindung dari dibenamkan ke dalam bumi).” (dibaca 1 kali)[28]

اَللَّهُمَّ عَالِمَ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَاطِرَ السَّمَاوَاتِ وَاْلأَرْضِ، رَبَّ كُلِّ شَيْءٍ وَمَلِيْكَهُ، أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَـهَ إِلاَّ أَنْتَ، أَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ نَفْسِيْ، وَمِنْ شَرِّ الشَّيْطَانِ وَشِرْكِهِ، وَأَنْ أَقْتَرِفَ عَلَى نَفْسِيْ سُوْءًا أَوْ أَجُرُّهُ إِلَى مُسْلِمٍ

“Ya Allah, Yang Maha Mengetahui sesuatu yang ghaib dan yang nyata. Ya Tuhan Pencipta langit dan bumi, Tuhan segala sesuatu yang Mengetuainya (menjadi Raja kepadanya). Aku mengakui bahawa tidak ada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Engkau. Aku berlindung kepada-Mu dari kejahatan diriku, kejahatan Syaitan dan ajakan-ajakan menyekutukan Allah, dan (aku berlindung kepada-Mu) dari melakukan keburukan ke atas diriku serta (lindungilah aku) dari mendorong Muslim yang lain kepadanya.” (dibaca 1 kali)[29]

بِسْمِ اللهِ لاَ يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي اْلأَرْضِ وَلاَ فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ

“Dengan menyebut Nama Allah, yang dengan nama-Nya tiada suatu pun yang dapat memberi bahaya, sama ada yang berada di bumi atau pun di langit. Dialah Yang Maha Mendengar dan Maha Mengetahui.” (dibaca 3 kali)[30]

رَضِيْتُ بِاللهِ رَبًّا، وَبِاْلإِسْلاَمِ دِيْنًا، وَبِمُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَبِيًّا

[28] Hadis Riwayat al-Bukhari dalam al-Adabil Mufrad (no. 1200), Abu Daud (no. 5074), Ibnu Majah (no. 3871), dan al-Hakim (1/517-518) dari ‘Abdullah bin ‘Umar radhiyallahu ‘anhu. Lihat Shahih al-Adabil Mufrad (no. 912). Hadis ini Shahih.

[29] Nabi Shallallahu ‘alaihi wa Salam bersabda kepada Abu Bakar ash-Shiddiq radhiyallahu ‘anhu: “Ucapkanlah di waktu pagi dan petang hari serta ketika engkau hendak masuk tidur.” (Hadis Riwayat al-Bukhari dalam al-Adabul Mufrad (no. 1202, 1203), Ahmad (2/297). At-Tirmidzi (no. 3392), dan Abu Daud (no. 5067). Lihat Shahih at-tirmidzi (no. 2798), Shahih al-Adabil Mufrad (no. 913, 914), Silsilah al-Ahadis ash-Shahihah (no. 2753). Hadis ini Shahih.

[30] “Sesiapa yang membacanya sebanyak tiga kali di waktu pagi dan petang hari, maka tiada sesuatu pun yang akan membahayakan dirinya.” (Hadis Riwayat at-Tirmidzi (no. 3388), Abu Daud (no. 5088), Ahmad (no. 446 dan 474), tahqiq syaikh Ahmad Syakir, dan Ibnu Majah (no. 3869). Dari Utsman bin ‘Affan radhiyallahu ‘anhu. Lihat Shahih Ibni Majah (no. 3120), al-Hakim (1/514), Shahih al-Adabil Mufrad (no. 513), Shahih at-Targhib wat-Tarhib (1/413, no. 655). Sanadnya Shahih.

“Aku redha Allah sebagai Tuhanku, Islam sebagai agamaku, dan Muhammad Shallallahu ‘alaihi wa Salam sebagai Nabiku (yang diutus oleh Allah).” (dibaca 3 kali)[31]

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيْثُ، أَصْلِحْ لِيْ شَأْنِيْ كُلَّهُ وَلاَ تَكِلْنِيْ إِلَى نَفْسِيْ طَرْفَةَ عَيْنٍ

“Ya Allah (Tuhan) Yang Maha Hidup, wahai Tuhan Yang Maha Berdiri sendiri (tidak memerlukan kepada sesuatu) dengan rahmat-Mu aku meminta pertolongan, perbaikilah segala keadaan dan urusanku serta janganlah Engkau biarkan aku walaupun hanya untuk sebentar (tanpa mendapat pertolongan dari-Mu).” (dibaca 1 kali)[32]

أَصْبَحْنَا عَلَى فِطْرَةِ الْإِسْلاَمِ وَعَلَى كَلِمَةِ الْإِخْلاَصِ، وَعَلَى دِيْنِ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَعَلَى مِلَّةِ أَبِيْنَا إِبْرَاهِيْمَ، حَنِيْفًا مُسْلِمًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِيْنَ

“Di waktu pagi kami berada di atas fitrah Islam, kalimah yang ikhlas (Syahadatain), agama Nabi kami Muhammad Shallallahu ‘alaihi wa Salam dan agama ayah kami, Ibrahim, yang berdiri di atas jalan yang lurus (Muslim) dan tidak tergolong dari kelompok orang-orang muysrik.” (dibaca 1 kali)[33]

لاَ إِلَــــهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ

“Tidak ada Tuhan (yang berhak disembah dengan benar) melainkan Allah Yang Maha Esa, tidak ada sekutu bagi-Nya. Bagi-Nya kerajaan dan bagi-

[31] Sesiapa yang membacanya sebanyak tiga kali di waktu pagi dan petang hari, maka Allah meredhainya di hari Kiamat.” (Hadis Riwayat Ahmad (4/337), Anu Daud (no. 5072), at-Tirmidzi (no. 3389), Ibnu Majah (no. 3870), an-Nasa’i dalam ‘Amalul Yaum wal-Lailah (no. 4) dan Ibnus Sunni (no. 68), Shahih at-Targhib wat-Tarhib (1/415, no. 657). Disahihkan oleh imam al-Hakim dalam Mustadrak (1/518) dan dipersetuji oleh imam adz-Dzahabi dengan darjat Hasan. Lihat juga Shahih al-Wabilish (2/372). Silsilah al-Ahadis ash-Shahihah (no. 2686).

[32] Hadis Riwayat an-Nasa’i dalam ‘Amalul Yaum wal-Lailah (no. 575), al-Bazzar dalam Musnadnya (no. 3107) dan al-Hakim (1/545) dan Ibnus Sunni dalam ‘Amalul Yaum wal-Lailah (no. 48), dari anas bin Malik radhiyallahu ‘anhu. Lihat Shahih at-Targhib wat Tarhib (1/417, no. 661) dan Silsilah ash-Shahihah (no. 227). Hadis ini Hasan.

[33] Hadis Riwayat Ahmad (3/406, 407), ad-Darimi (2/292) dan Ibnus Sunni dalam ‘Amalul Yaum wal Lailah (no. 34), dari ‘Abdurrahman bin Abi Abza radhiyallahu ‘anhu. Lihat Misykatul Mashabih (no. 2415) dan Shahih al-Jami’ish Shaghir (no. 4674). Hadis ini Shahih.

Nya segala puji. Dan dia Maha Berkuasa ke atas segala sesuatu.” (dibaca 10 kali[34] atau 1 kali[35])

لاَ إِلَـــهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرُ

“Tidak ada tuhan (yang berhak disembah dengan benar) melainkan Allah Yang Maha Esa, tidak ada sekutu bagi-Nya. Bagi-Nya kerajaan dan bagi-Nya segala puji. Dan Dia Maha Berkuasa ke atas segala sesuatu.” (dibaca setiap hari 100 kali. Boleh dibaca pada waktu pagi atau petang)[36]

سُبْحَانَ اللهِ وَبِحَمْدِهِ: عَدَدَ خَلْقِهِ، وَرِضَا نَفْسِهِ، وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ

“Maha suci Allah, aku memuji-Nya sebanyak bilangan makhluk-Nya, Maha Suci Allah dengan keredhaan-Nya, Maha Suci Allah seberat timbangan ‘Arsy-Nya, dan Maha Suci Allah sebanyak dakwah (menulis kalimah-Nya).” (dibaca 3 kali)[37]

اَللَّهُمَّ إِنِّيْ أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا، وَرِزْقًا طَيِّبًا، وَعَمَلاً مُتَقَبَّلاً

“Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepada-Mu ilmu yang bermanfaat, rezeki yang halal, dan amalan yang diterima.” (dibaca 1 kali)[38]

---

[34] Hadis Riwayat an-Nasa’i dalam ‘Amalul Yaum wal Lailah (no. 24), ahmad (5/420), dari Abu Ayyub al-Anshari radhiyallahu ‘anhu. Lihat Silsilah al-ahadis ash-shahihah (no. 113 dan 114) dan Shahih at-Targhib wat Tarhib (1/416, no. 660). Hadis ini Shahih.

[35] Hadis Riwayat Abu Daud (no. 5077), Ibnu Majah (no. 3867) dari Abu ‘Ayyasy Zaid bin Shamit radhiyallahu ‘anhu. Lihat Shahih Jami’ish Shaghir, no. 6418), Misykatul Masyabih (no. 2395) dan Shahih at-Targhib (1/414, no. 656). Shahih.

[36] Sesiapa yang membacanya sebanyak 100 kalidalam sehari, maka baginya (pahala) seperti memerdekakan sepuluh orang hamba, ditulis 100 kebaikan, dihapuskan darinya 100 keburukan, baginya perlindungan dari Syaitan pada hari tersebut sehingga petang hari. Tidaklah seseorang itu dapat mendatangkan yang lebih baik dari apa yang dibawanya melainkan dia melakukan lebih banyak lagi dari itu.” (Hadis Riwayat al-Bukhari (no. 3293 dan 6403), Muslim (2691 (28)), at-Tirmidzi (no. 3468), Ibnu Majah (no. 3798), dari sahabat Abu Hurairah radhiyallahu ‘anhu. **Penjelasan:** Dalam riwayat an-Nasa’i (‘amalul Yaum wal Lailah (no. 580)) dan Ibnus Sunni (no. 75) dari ‘Amr bin Syu’aib, dari ayahnya, dari datuknya, lafaznya: “Sesiapa yang membaca 100 kali di waktu pagi dan 100 kali di waktu petang.” ... Dengan itu, zikir ini dibaca 100 kali di waktu pagi dan 100 kali di waktu petang. Lihat Silsilah al-Ahadis ash-Shahihah (no. 2762).

[37] Hadis Riwayat Muslim (no. 2726). Syarah Muslim (17/44). Dari Juwairiyah binti al-Harits radhiyallahu ‘anhu.

[38] Hadis Riwayat Ibnu Majah (no. 925), Shahih Ibni Majah (1/152, no. 753) dan Ibnus Sunni dalam ‘amalul Yaum wal Lailah (no. 54, 110) dari Ummu Salamah radhiyallahu ‘anhuma. Hadis ini Shahih.

سُبْحَانَ اللهِ وَبِحَمْدِهِ

“Maha Suci Allah, aku memuji-Nya” (dibaca 100 kali)[39]

أَسْتَغْفِرُ اللهَ وَأَتُوْبُ إِلَيْهِ

“Aku memohon ampun kepada Allah dan bertaubat kepada-Nya.” (dibaca setiap hari 100 kali. Boleh dibaca di waktu pagi atau petang)[40]

---

[39] Hadis Riwayat Mulism (no. 2691 dan no. 2692), dari Abu Hurairah. Lihat syarah Muslim (17/17-18), shahih at-Targhib wat Tarhib (1/413, no. 653). Jumlah atau bilangan bacaan terbanyak bagi zikir yang dibaca di waktu pagi dan petang hari adalah sebanyak 100 kali. Ada pun riwayat yang menyebutkan sehingga seribu kali adalah mungkar, kerana hadisnya dhaif. (Silsilah al-ahadis adh-Dhaifah (no. 5296).

[40] Hadis Riwayat al-Bukhari (no. 6307 – Fathul Bari 11/101) dan Muslim (no. 2702). Dari Ibnu ‘Umar radhiyallhu ‘anhuma, dia berkata: Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wa Salam bersabda: “Wahai manusia, bertaubatlah kamu kepada Allah, sesungguhnya aku bertaubat kepada-Nya seratus kali sehari.”

Dalam riwayat yang lain dari Agharr al-Muzani, Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wa Salam bersabda: Sesungguhnya hatiku lupa padahal sesungguhnya aku beristighfar (minta ampun) kepada Allah seratus kali dalam sehari.” (Hadis Riwayat Muslim (no. 2702) (41)).

Nabi Shallallahu ‘alaihi wa Salam bersabda: “Sesiapa yang mengucapkan: “Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung, Yang tidak ada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Maha Hidup lagi Maha Berdiri sendiri dan aku bertaubat kepada-Nya.”

Maka Allah akan mengampuni dosanya walaupun dia pernah lari dari medan peperangan.” (Hadis Riwayat Abu Daud (no. 1517), at-Tirmidzi (no. 3577), dan al-Hakim (1/511). Lihat Shahih at-Tirmidzi (3/182, no. 2831).

Di antara ayat-ayat al-Qur’an yang menyarankan supaya kita beristighfar dan bertaubat adalah Surah Huud, 11: 3, Surah an-Nuur, 24: 31, dan Surah at-Tahrim, 66: 8.

LAFAZ-LAFAZ ZIKIR DI WAKTU PETANG

أَعُوْذُ بِاللهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيْمِ

"Aku berlindung kepada Allah dari gangguan Syaitan yang terkutuk."

اللَّهُ لا إِلَهَ إِلا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لا تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضَ وَلا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ (٢٥٥)

"Allah, tidak ada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Maha Hidup lagi terus menerus mengurus (makhluk-Nya), tidak mengantuk dan tidak tidur. Kepunyaan-Nya apa yang ada di langit dan di bumi. Tidak ada yang dapat memberi syafa'at di sisi Allah tanpa izin-Nya. Allah mengetahui apa sahaja yang berada di hadapan mereka, dan di belakang mereka serta apa yang mereka tidak ketahui dari ilmu Allah melainkan apa yang dikehendaki-Nya. Kursi Allah meliputi langit dan bumi. Dan Allah tidak merasa berat memelihara keduanya, Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar." (Surah al-Baqarah, 2: 255) (dibaca 1 kali)[41]

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

"Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang."

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ (١)اللَّهُ الصَّمَدُ (٢)لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ (٣)وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ (٤)

"Katakanlah: "Dialah Allah Yang Maha Esa. Allah adalah (Tuhan) di mana setiap sesuatu bergantung kepada-Nya. Dia tidak beranak dan tidak pula

[41] Nabi Shallallahu 'alaihi wa Salam bersabda: Sesiapa yang membaca ayat ini di waktu pagi hari, maka dia dilindungi dari gangguan jin sehingga petang hari. Dan sesiapa mengucapkannya ketika petang hari, maka ia dilindungi dari (gangguan) jin sehingga pagi hari." (Hadis Riwayat al-Hakim (1/562), Shahih at-Targhib wat-Tarhib (1/418, no. 662). Hadis ini Shahih)

diperanakkan. Dan tidak ada seorang pun yang setara dengan-Nya”.” (Surah al-Ikhlas, 112: 1-4) (dibaca 3 kali)[42]

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.”

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ (١)مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ (٢)وَمِنْ شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ (٣)وَمِنْ شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ (٤)وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ (٥)

“Katakanlah: “Aku berlindung kepada Tuhan yang menguasai (waktu) Subuh dari kejahatan makhluk-Nya. Dan dari kejahatan malam apabila telah gelap-gelita. Dan dari kejahatan wanita-wanita tukang sihir yang meniup simpulan tali. Serta dari kejahatan orang yang dengki apabila dia dengki”.” (Surah al-Falaq, 113: 1-5) (dibaca 3 kali)[43]

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.”

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ (١)مَلِكِ النَّاسِ (٢)إِلَهِ النَّاسِ (٣)مِنْ شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ (٤)الَّذِي يُوَسْوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ (٥)من للجنة والناس(٦)

“Katakanlah: “Aku berlindung kepada Tuhan (yang memelihara dan menguasai) manusia. Raja manusia. Sembahan (ilah) manusia. Dari kejahyatan (bisikan) Syaitan yang biasa bersembunyi. Yang membisikkan (kejahatan) ke dalam dada-dada manusia. Dari golongan jin dan manusia.” (Surah an-Nas, 114: 1-6) (dibaca 3 kali)[44]

---

[42] Hadis Riwayat Abu Daud (no. 5082), an-Nasa’i (8/250), dan at-Tirmidzi (no. 3575), Ahmad (5/312), Shahih at-Tirmidzi (no. 2829), Tuhfatul Ahwadzi (no. 3646), Shahih at-Targhib wat-Tarhib (1/411, no. 649). Hadis ini Hasan shahih.

[43] Ibid.

[44] “Sesiapa yang membaca tiga surah tersebut di setiap waktu pagi dan petang hari, maka (tiga surah tersebut) cukup baginya dari segala sesuatu.” Iaitu ia membantu mencegah dari pelbagai gangguan kejahatan. At-Tirmidzi berkata: “Hadis ini Hasan shahih”. Hadis Riwayat Abu Daud (no. 5082), an-Nasa’i (8/250), dan at-Tirmidzi (no. 3575), Ahmad (5/312), dari ‘Abdullah bin Khubaib. Shahih at-Tirmidzi (no. 2829), Tuhfatul Ahwadzi (no. 3646), Shahih at-Targhib wat-Tarhib (1/411, no. 649). Hadis ini Hasan shahih.

أَمْسَيْنَا وَأَمْسَى الْمُلْكُ لِلَّه ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، لاَ إِلَـــهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرُ. رَبِّ أَسْأَلُكَ خَيْرَ مَا فِيْ هَذِهِ اللَّيْلَةِ وَخَيْرَ مَا بَعْدَهَا وَأَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا فِيْ هَذِهِ اللَّيْلَةِ وَشَرِّ مَا بَعْدَهَا ، رَبِّ أَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْكَسَلِ، وَسُوْءِ الْكِبَرِ، رَبِّ أَعُوْذُبِكَ مِنْ عَذَابٍ فِي النَّارِ وَعَذَابٍ فِي الْقَبْرِ.

"Kami telah memasuki waktu petang dan kerajaan hanya milik Allah, segala puji hanya milik Allah. Tidak ada tuhan (yang berhak disembah dengan benar) melainkan Allah Yang Maha Esa, tiada sekutu bagi-Nya. Bagi-Nya kerajaan dan bagi-Nya pujian. Dialah Yang Maha Kuasa ke atas segala sesuatu. Ya Allah, aku memohon kepada-Mu kebaikan di malam ini dan kebaikan selepasnya. Aku berlindung kepada-Mu dari kejahatan malam ini dan kejahatan selepasnya. Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu dari kemalasan dan keburukan di hari tua. Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu dari siksa Neraka dan siksa kubur." (dibaca 1 kali)[45]

اَللَّهُمَّ بِكَ أَمْسَيْنَا، وَبِكَ أَصْبَحْنَا، وَبِكَ نَحْيَا، وَبِكَ نَمُوْتُ وَإِلَيْكَ الْمَصِيْرُ

"Ya Allah, dengan rahmat serta pertolongan-Mu kami memasuki waktu petang dan dengan rahmat serta pertolongan-Mu kami memasuki waktu pagi. Dengan rahmat dan kehendak-Mu kami hidup dan dengan rahmat dan kehendak-Mu kami mati. Dan kepada-Mu temapt kembali (bagi semua makhluk)." (dibaca 1 kali)[46]

Membaca SAYYIDUL ISTIGHFAR:

اَللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّيْ لاَ إِلَـــهَ إِلاَّ أَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ، وَأَبُوْءُ بِذَنْبِيْ فَاغْفِرْ لِيْ فَإِنَّهُ لاَ يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ إِلاَّ أَنْتَ

---

[45] Hadis Riwayat Muslim (no. 2723), Abu Daud (no. 5071), dan at-Tirmidzi (no. 3390), dari 'Abdullah bin Mas'oud radhiyallahu 'anhu. Hadis ini Shahih.

[46] Hadis Riwayat al-Bukhari dalam al-Adabul Mufrad (no. 1199), lafaz ini adalah lafaz al-Bukhari, at-Tirmidzi (no. 3391), Abu Daud (no. 5068), Ahmad (2/354), Ibnu Majah (no. 3868), dari Abu Hurairah radhiyallahu 'anhu. Lihat Shahih al-Adabil Mufrad (no. 911) dan Silsilah al-ahadis ash-Shahihah (no. 262). Hadis ini Shahih.

"Ya Allah, Engkau adalah Tuhan-ku, tidak ada tuhan (yang berhak disembah dengan benar) melainkan Engkau, Engkau-lah yang menciptakanku. Aku adalah hamba-Mu. Aku akan setia terhadap perjanjian-Mu dengan sedaya upaya. Aku berlindung kepada-Mu dari keburukan (apa) yang aku timbulkan. Aku mengakui nikmat-Mu (yang diberikan) kepadaku dan aku mengakui dosaku, maka dengan itu, ampunilah aku. Sesungguhnya tidak ada yang dapat mengampuni dosa melainkan Engkau. (dibaca 1 kali)[47]

اَللَّهُمَّ عَافِنِيْ فِيْ بَدَنِيْ، اَللَّهُمَّ عَافِنِيْ فِيْ سَمْعِيْ، اَللَّهُمَّ عَافِنِيْ فِيْ بَصَرِيْ، لاَ إِلَـــهَ إِلاَّ أَنْتَ، اَللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْكُفْرِ وَالْفَقْرِ، وَأَعُوْذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ، لاَ إِلَـــهَ إِلاَّ أَنْتَ

"Ya Allah, selamatkanlah tubuhku (dari penyakit dan dari apa yang tidak aku inginkan). Ya Allah, selamatkanlah pendengaranku (dari penyakit dan maksiat serta dari apa yang tidak aku inginkan). Ya Allah, selamatkanlah penglihatanku, tidak ada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Engkau. Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu dari kekufuran dan kekafiran. Aku berlindung kepada-Mu dari siksa kubur, tidak ada tuhan (yang berhak disembah) melainkan engkau." (dibaca 3 kali)[48]

اَللَّهُمَّ إِنِّيْ أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ، اَللَّهُمَّ إِنِّيْ أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فِي دِيْنِيْ وَدُنْيَايَ وَأَهْلِيْ وَمَالِيْ، اَللَّهُمَّ احْفَظْنِيْ مِنْ بَيْنِ يَدَيَّ، وَمِنْ خَلْفِيْ، وَعَنْ يَمِيْنِيْ وَعَنْ شِمَالِيْ، وَمِنْ فَوْقِيْ، وَأَعُوْذُ بِعَظَمَتِكَ أَنْ أُغْتَالَ مِنْ تَحْتِيْ

"Ya Allah, aku memohon kebaikan dan keselamatan di dunia dan akhirat. Ya Allah, aku memohon kebaikan dan keselamatan dalam agama, dunia, keluarga dan hartaku. Ya Allah, tutupilah auratku (aib dan sesuatu yang tidak layak dilihat orang) dan tenteramkanlah aku dari perasaan takut. Ya Allah, peliharalah aku dari depan, belakang, kanan, kiri, dan dari atasku.

---

[47] "Sesiapa yang membacanya dengan yakin di waktu pagi lalu dia meninggal sebelum masuk waktu petang, maka dia tergolong sebagai ahli Syurga. Dan sesiapa yang membacanya dengan yakin di waktu petang lalu meninggal sebelum masuk waktu pagi, maka dia tergolong sebagai ahli Syurga." (Hadis Riwayat al-Bukhari (no. 6306, 6323), Ahmad (4/122, 125), dan an-Nasa'I (8/279-280) dari Syaddad bin Aus radhiyallahu 'anhu).

[48] Hadis Riwayat al-Bukhari dalam al-Adabul Mufrad (no. 701), Abu Daud (no. 5090), dan Ahmad (5/42). Hadis ini Hasan. Lihat Shahih Adabil Mufrad (no. 539) dari Abu Bakrah radhiyallahu 'anhu.

Aku berlindung dengan kebesaran-Mu, agar aku tidak disambar dari bawahku (aku berlindung dari dibenamkan ke dalam bumi).” (dibaca 1 kali)[49]

اَللَّهُمَّ عَالِمَ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَاطِرَ السَّمَاوَاتِ وَاْلأَرْضِ، رَبَّ كُلِّ شَيْءٍ وَمَلِيْكَهُ، أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَـــهَ إِلاَّ أَنْتَ، أَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ نَفْسِيْ، وَمِنْ شَرِّ الشَّيْطَانِ وَشِرْكِهِ، وَأَنْ أَقْتَرِفَ عَلَى نَفْسِيْ سُوْءًا أَوْ أَجُرَّهُ إِلَى مُسْلِمٍ

“Ya Allah, Yang Maha Mengetahui sesuatu yang ghaib dan yang nyata. Ya Tuhan Pencipta langit dan bumi, Tuhan segala sesuatu yang Mengetuainya (menjadi Raja kepadanya). Aku mengakui bahawa tidak ada tuhan (yang berhak disembah dengan benar) melainkan Engkau. Aku berlindung kepada-Mu dari kejahatan diriku, kejahatan Syaitan dan ajakan-ajakan menyekutukan Allah, dan (aku berlindung kepada-Mu) dari melakukan keburukan ke atas diriku serta (lindungilah aku) dari mendorong Muslim yang lain kepadanya.” (dibaca 1 kali)[50]

بِسْمِ اللهِ الَّذِيْ لاَ يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي اْلأَرْضِ وَلاَ فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ

“Dengan menyebut Nama Allah, yang dengan nama-Nya tiada sesuatu pun yang dapat memberi bahaya, sama ada yang berada di bumi atau pun di langit. Dialah Yang Maha Mendengar dan Maha Mengetahui.” (dibaca 3 kali)[51]

---

[49] Hadis Riwayat al-Bukhari dalam al-Adabul Mufrad (no. 1200), Abu Daud (no. 5074), Ibnu Majah (no. 3871), dan al-Hakim (1/517-518), dari ‘Abdullah bin ‘Umar radhiyallahu ‘anhuma. Lihat Shahih al-Adabil Mufrad (no. 912). Hadis ini Shahih.

[50] Nabi Shallallahu ‘alaihi wa Salam bersabda kepada Abu Bakar ash-Shiddiq radhiyallahu ‘anhu: “Ucapkanlah di waktu pagi dan petang hari serta ketika engkau hendak masuk tidur.” (Hadis Riwayat al-Bukhari dalam al-Adabul Mufrad (no. 1202, 1203), Ahmad (2/297). At-Tirmidzi (no. 3392), dan Abu Daud (no. 5067). Lihat Shahih at-tirmidzi (no. 2798), Shahih al-Adabil Mufrad (no. 913, 914), Silsilah al-Ahadis ash-Shahihah (no. 2753). Hadis ini Shahih.

[51] “Sesiapa yang membacanya sebanyak tiga kali di waktu pagi dan petang hari, maka tiada sesuatu pun yang akan membahayakan dirinya.” (Hadis Riwayat at-Tirmidzi (no. 3388), Abu Daud (no. 5088), Ahmad (no. 446 dan 474), tahqiq syaikh Ahmad Syakir, dan Ibnu Majah (no. 3869). Dari Utsman bin ‘Affan radhiyallahu ‘anhu. Lihat Shahih Ibni Majah (no. 3120), al-Hakim (1/514), Shahih al-Adabil Mufrad (no. 513), Shahih at-Targhib wat-Tarhib (1/413, no. 655). Sanadnya Shahih.

رَضِيْتُ بِاللهِ رَبًّا، وَبِاْلإِسْلاَمِ دِيْنًا، وَبِمُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَبِيًّا

"Aku redha Allah sebagai Tuhanku, Islam sebagai agamaku, dan Muhammad Shallallahu 'alaihi wa Salam sebagai Nabiku (yang diutus oleh Allah)." (dibaca 3 kali)[52]

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيْثُ، أَصْلِحْ لِيْ شَأْنِيْ كُلَّهُ وَلاَ تَكِلْنِيْ إِلَى نَفْسِيْ طَرْفَةَ عَيْنٍ

"Ya Allah (Tuhan) Yang Maha Hidup, wahai Tuhan Yang Maha Berdiri sendiri (tidak memerlukan kepada sesuatu) dengan rahmat-Mu aku meminta pertolongan, perbaikilah segala keadaan dan urusanku serta janganlah engkau biarkan aku walaupun hanya sebentar (tanpa mendapat pertolongan dari-Mu)." (dibaca 1 kali)[53]

أَمْسَيْنَا عَلَى فِطْرَةِ اْلإِسْلاَمِ، وَعَلَى كَلِمَةِ اْلإِخْلاَصِ، وَعَلَى دِيْنِ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَعَلَى مِلَّةِ أَبِيْنَا إِبْرَاهِيْمَ، حَنِيْفًا مُسْلِمًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِيْنَ

"Di waktu petang kami berada di atas fitrah Islam, kalimah yang ikhlas (Syahadatain), agama Nabi kami Muhammad Shallallahu 'alaihi wa Salam dan agama ayah kami, Ibrahim, yang berdiri di atas jalan yang lurus (Muslim) dan tidak tergolong dari kelompok orang-orang muysrik." (dibaca 1 kali)[54]

لاَ إِلَـــهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرُ

---

[52] Sesiapa yang membacanya sebanyak tiga kali di waktu pagi dan petang hari, maka Allah meredhainya di hari Kiamat." (Hadis Riwayat Ahmad (4/337), Anu Daud (no. 5072), at-Tirmidzi (no. 3389), Ibnu Majah (no. 3870), an-Nasa'i dalam 'Amalul Yaum wal-Lailah (no. 4) dan Ibnus Sunni (no. 68), Shahih at-Targhib wat-Tarhib (1/415, no. 657). Disahihkan oleh imam al-Hakim dalam Mustadrak (1/518) dan dipersetuji oleh imam adz-Dzahabi dengan darjat Hasan. Lihat juga Shahih al-Wabilish (2/372). Silsilah al-Ahadis ash-Shahihah (no. 2686).

[53] Hadis Riwayat an-Nasa'i dalam 'Amalul Yaum wal-Lailah (no. 575), al-Bazzar dalam Musnadnya (no. 3107) dan al-Hakim (1/545) dan Ibnus Sunni dalam 'Amalul Yaum wal-Lailah (no. 48), dari anas bin Malik radhiyallahu 'anhu. Lihat Shahih at-Targhib wat Tarhib (1/417, no. 661) dan Silsilah ash-Shahihah (no. 227). Hadis ini Hasan.

[54] Hadis Riwayat Ahmad (3/406, 407), ad-Darimi (2/292) dan Ibnus Sunni dalam 'Amalul Yaum wal Lailah (no. 34), dari 'Abdurrahman bin Abi Abza radhiyallahu 'anhu. Lihat Misykatul Mashabih (no. 2415) dan Shahih al-Jami'ish Shaghir (no. 4674). Hadis ini Shahih.

“Tidak ada Tuhan (yang berhak disembah dengan benar) melainkan Allah Yang Maha Esa, tidak ada sekutu bagi-Nya. Bagi-Nya kerajaan dan bagi-Nya segala puji. Dan dia Maha Kuasa ke atas segala sesuatu.” (dibaca 10 kali[55] atau 1 kali[56])

أَعُوْذُ بِكَلِمَاتِ اللهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ

“Aku berlindung dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari kejahatan sesuatu yang diciptakan-Nya.” (dibaca 3 kali)[57]

---

[55] Hadis Riwayat an-Nasa’i dalam ‘Amalul Yaum wal Lailah (no. 24), ahmad (5/420), dari Abu Ayyub al-Anshari radhiyallahu ‘anhu. Lihat Silsilah al-ahadis ash-shahihah (no. 113 dan 114) dan Shahih at-Targhib wat Tarhib (1/416, no. 660). Hadis ini Shahih.

[56] Hadis Riwayat Abu Daud (no. 5077), Ibnu Majah (no. 3867) dari Abu ‘Ayyasy Zaid bin Shamit radhiyallahu ‘anhu. Lihat Shahih Jami’ish Shaghir, no. 6418), Misykatul Masyabih (no. 2395) dan Shahih at-Targhib (1/414, no. 656). Shahih.

[57] Hadis Riwayat Ahmad (2/290), an-Nasa’I dalam ‘amalul Yaum wal Lailah (no. 596) dan ath-Thahawi dalam Syarh Musykilil Atsar (no. 20), Shahih at-Targhib wat Tarhib (1/412, no. 652), shahih al-Jami’ish Shaghir (no. 6427).

ZIKIR-ZIKIR SELEPAS SOLAT FARDHU

أَسْتَغْفِرُ اللهَ (×٣) اَللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلاَمُ، وَمِنْكَ السَّلاَمُ، تَبَارَكْتَ يَا ذَا الْجَلاَلِ وَالْإِكْرَامِ

"Aku memohon ampun kepada Allah (3x). Ya Allah, Engkau pemberi keselamatan, dan dari-Mu keselamatan, Maha Suci Engkau, wahai Tuhan Yang Memiliki Keagungan dan Kemuliaan."[58] (dibaca pada setiap kali selepas solat fardhu)

لاَ إِلَـــهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ، اَللَّهُمَّ لاَ مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ، وَلاَ مُعْطِيَ لِمَا مَنَعْتَ، وَلاَ يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ

"Tiada Tuhan (yang berhak disembah dengan benar) melainkan Allah Yang Maha Esa, tidak ada sekutu bagi-Nya. Bagi-Nya segala kerajaan dan bagi-Nya segala puji. Dia Maha Berkuasa ke atas segala sesuatu. Ya Allah, tidak ada yang menghalang apa yang Engkau berikan dan tidak ada yang memberi apa yang Engkau halang. Tidak berguna kekayaan dan kemuliaan itu bagi pemiliknya bagi menghadapi siksa-Mu."[59]

لاَ إِلَـــهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ. لاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ، لاَ إِلَـــهَ إِلاَّ اللهُ، وَلاَ نَعْبُدُ إِلاَّ إِيَّاهُ، لَهُ النِّعْمَةُ وَلَهُ الْفَضْلُ وَلَهُ الثَّنَاءُ الْحَسَنُ، لاَ إِلَـــهَ إِلاَّ اللهُ مُخْلِصِيْنَ لَهُ الدِّيْنَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُوْنَ

"Tiada Tuhan (yang berhak disembah dengan benar) melainkan Allah, Yang Maha Esa, tiada sekutu bagi-Nya. Bagi-Nya kerajaan dan puji. Dia Maha Berkuasa ke atas segala sesuatu. Tidak ada daya dan upaya melainkan (dengan pertolongan) Allah. Tiada Tuhan (yang berhak disembah dengan benar) melainkan Allah. Kami tidak menyembah kecuali kepada-Nya. Bagi-Nya nikmat, anugerah, dan pujian yang baik. Tiada Tuhan (yang berhak disembah dengan benar) melainkan Allah, dengan

[58] Hadis Riwayat Muslim (no. 591 (135)), Ahmad (5/275, 279), Abu Daud (no. 1513), an-Nasa'i (3/68-69), Ibnu Khuzaimah (no. 737), ad-Darimi (1/311) dan Ibnu Majah (no. 928) dari Sahabat Tsauban radhiyallahu 'anhu.

[59] Hadis Riwayat al-Bukhari (no. 844) dan Mulism (no. 593), Abu Daud (no. 1505), Ahmad (4/245, 247, 250, 254, 255), Ibnu Khuzaimah (no. 742), ad-Darimi (1/311), dan an-Nasa'i (3/70, 71), dari al-Mughirah bin syu'bah radhiyallahu 'anhu.

memurnikan ibadah kepada-Nya, walaupun orang-orang kafir tidak menyukainya."[60]

لاَ إِلَــهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِيْ وَيُمِيْتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرُ

"Tiada Tuhan (yang berhak disembah dengan benar) melainkan Allah Yang Maha Esa, tiada sekutu bagi-Nya, bagi-Nya kerajaan, bagi-Nya segala puji. Dia-lah yang menghidupkan (orang yang sudah mati atau memberi roh janin yang akan dilahirkan) dan yang mematikan. Dia-lah Yang Maha Berkuasa ke atas segala sesuatu." (dibaca 10 kali setiap kali selepas solat Maghrib dan Subuh)[61]

اَللَّهُمَّ أَعِنِّيْ عَلَى ذِكْرِكَ، وَشُكْرِكَ، وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ

"Ya Allah, bantulah aku untuk berzikir kepada-Mu, bersyukur kepada-Mu, serta beribadah dengan baik kepada-Mu."[62]

سُبْحَانَ اللهِ (٣٣×) وَالْحَمْدُ لِلَّهِ (٣٣×) وَاللهُ أَكْبَرُ (٣٣×)

"Maha Scui Allah." (33 kali) "Segala puji bagi Allah." (33 kali) "Allah Maha Besar." (33 kali)

---

[60] Hadis Riwayat Muslim (no. 594), Ahmad (4/4, 5), Abu Daud (no. 1506, 1507), an-Nasa'i (3/70), Ibnu Khuzaimah (no. 740, 741). Dari 'Abdullah bin az-Zubair radhiyallahu 'anhuma.

[61] Nabi Shallallahu 'alaihi wa Salam bersabda: "Sesiapa setelah solat Maghrib dan Subuh membaca:

لاَ إِلَــهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِيْ وَيُمِيْتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرُ (١٠×)

Allah akan menulis setiap sekali dengan 10 kebaikan, dihapus 10 keburukan, diangkat 10 darjat, dan Allah melindunginya dari setiap keburukan, dan Allah melindunginya dari gangguan Syaitan yang terkutuk." (Hadis Riwayat Ahmad (4/227, 5/420) dan at-Timirdzi (no. 3474)) dari Abu Dzarr radhiyallahu 'anhu. At-Tirmidzi berkata: "Hadis ini hasan gharib Shahih". (Lihat Shahih at-Targhib wat Tarhib (1/322-323, no. 474, 475, dan 477), Zaadul Ma'ad (1/300-301), dan Silsilah al-ahadis ash-Shahihah (no. 113, 114, dan 2563)).

[62] Hadis Riwayat Abu Daud (no. 1522), an-Nasa'i (3/53), Ahmad (5/245) dan al-Hakim (1/273 dan 3/273) dan disahihkannya, juga disepakati oleh adz-Dzahabi, yang mana kedudukan hadis ini seperti yang disebutkan oleh keduanya, bahawa Nabi Shallallahu 'alaihi wa Salam pernah memberikan wasiat kepada Mu'adz supaya dia mengucapkannya di setiap akhir solat.

Kemudian ianya dilengkapkan menjadi seratus dengan membaca:

لاَ إِلَـــهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرُ

"Tiada Tuhan (yang berhak disembah dengan benar) melainkan Allah Yang Maha Esa, tidak ada sekutu bagi-Nya. Bagi-Nya segala kerajaan dan bagi-Nya segala puji. Dia Maha Berkuasa ke atas segala sesuatu."[63]

Kemudian membaca Surah al-Ikhlas, al-Falaq, dan an-Nas di setiap kali selepas solat fardhu.[64]

Membaca ayat Kursi di setiap kali selepas solat fardhu.[65]

اَللَّهُمَّ إِنِّيْ أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا، وَرِزْقًا طَيِّبًا، وَعَمَلاً مُتَقَبَّلاً

"Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepada-Mu ilmu yang bermanfaat, rezeki yang halal dan amal yang diterima."[66]

CATATAN PENTING BERKAITAN KESALAHAN-KESALAHAN LAZIM DALAM SOLAT

Begitu banyak sekali kesalahan yang dilakukan oleh orang ramai setelah solat fardhu. Tetapi, kebanyakan mereka tidak menyedari akan perbuatan mereka itu adalah suatu yang salah dan tidak bersandarkan kepada dalil-dalil yang tsabit. Iaitu di mana mereka beramal tanpa mengikuti petunjuk Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa Salam yang shahih.

---

[63] "Sesiapa yang membaca kalimah tersebut setiap kali selesai solat, kesalahan-kesalahannya akan dimaafkan walaupun ianya seperti banyaknya buih di lautan." (Hadis Riwayat Muslim (no. 597), Ahmad (2/371, 483), Ibnu Khuzaimah (no. 750), dan al-Baihaqi (2/187)) Dari Abu Hurairah radhiyallahu 'anhu.

[64] Hadis Riwayat Abu Daud (no. 1523), an-Nasa'i (3/68), Ibnu Khuzaimah (no. 755) dan al-Hakim (1/253). Lihat pula Shahih at-Tirmidzi (3/8, no. 2324) dari Uqbah bin 'Amir radhiyallahu 'anhu. Ketiga surah tersebut dinamakan al-Mu'awwidzat, lihat juga Fathul Bari (9/62).

[65] "Sesiapa yang membacanya di setiap kali selepas solat, tidak ada yang menghalangnya masuk Syurga selain kematian." (Hadis Riwayat an-Nasa'i dalam 'Amalul Yaum wal0Lailah (no. 100) dan Ibnus Sunni (no. 124) dari Abu Usamah radhiyallahu 'anhu. Dinyatakan Shahih oleh syaikh al-Albani dalam Shahihul Jami' dan Silsilah al-Ahadis ash-Shahihah (no. 972))

[66] Hadis Riwayat Ibnu Majah (no. 925), Shahih Ibnu Majah (1/152, no. 753), dan Ibnus Sunni dalam 'Amalul Yaum wal Lailah (no. 54, 110), dan ahli hadis yang lain dari Ummu Salamah radhiyallahu 'anhuma. Lihat kitab Majma'uz Zawaa'id (10/111). Hadis ini Shahih.

Di antara kesalahan-kesalahan yang dimaksudkan adalah:

1 – Menyapu muka sebaik setelah salam.[67]

2 – Berdoa dan berzikir secara berjama'ah dengan dipimpin oleh imam solat.[68]

3 – Berzikir dengan bacaan yang tidak ada dalilnya, sama ada dari sudut lafaz atau pun bilangannya. Malah sebahagian dari mereka mengamalkan zikir berdasarkan hadis-hadis yang dhaif (lemah) dan maudhu' (palsu).

Contoh:

- Selepas salam, mereka melafazkan al-hamdulillah.

- Membaca surah al-Fatihah, dan

- Membaca beberapa ayat-ayat terakhir dari surah al-Hasyr serta selainnya.

4 – Mengira zikir yang dibaca dengan menggunakan biji tasbih atau yang seumpama dengannya. Tidak ada satu pun hadis yang shahih berkenaan perbuatan mengira bacaan zikir dengan menggunakan biji-bijian tasbih. Malahan, sebahagian hadis berkenaan dengannya adalah maudhu' (palsu).[69] Syaikh al-Albani rahimahullah menyatakan, "Berzikir dengan biji-biji tasbih adalah bid'ah."[70]

Syaikh Bakr bin 'Abdillah Abu Zaid rahimahullah menjelaskan bahawa berzikir dengan menggunakan biji-biji tasbih adalah menyerupai perbuatan orang-orang Yahudi, Nasrani, Budha, dan perbuatan tersebut adalah bid'ah dholalah.[71]

Tatacara yang disunnahkan di dalam melaksanakan zikir adalah dengan menggunakan jari-jari tangan:

---

[67] Lihat Silsilah al-Ahadis adh-Dhaifah wal Maudhu'at (no. 660) oleh syaikh al-Albani.

[68] Al-I'tisham, imam asy-Syatibi (m/s. 455-456), tahqiq syaikh Salim al-Hilali, Fatawa al-Lajnah ad-Da'imah (7/104-105), Fatawa syaikh bin Baaz (11/188-189), as-Sunan wal Mubtada'aat (m/s. 70). "Perbuatan ini adalah bid'ah." (al-Qaulul Mubin fi Akhtha'il Musollin (m/s. 304-305)).

[69] Lihat Silsilah al-Ahadis adh-Dhaifah wal Maudhu'at (no. 83 dan 1002)

[70] Silsilah al-Ahadis adh-Dhaifah (1/185).

[71] As-Subhah Tarikhuha wa Hukmuha (m/s. 101), cet. 1, Darul 'Ashimah 1419H – syaikh Bakr bin 'Abdillah Abu Zaid.

“Dari Abdullah bin ‘Amr radhiyallahu ‘anhuma, dia berkata: “Aku melihat Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wa Salam mengira bacaan tasbih (dengan jari-jari) tangan kanannya”.”[72]

Dalam persoalan ini, Nabi Shallallahu ‘alaihi wa Salam sendiri memerintahkan Sahabat wanita supaya mengira “Subhanallah, alhamdulillah, dan mensucikan Allah dengan jari-jari, kerana jari-jari tersebut akan ditanya dan diminta untuk berbicara (pada hari kiamat).[73]

5 – Berzikir dengan suara keras (kuat/nyaring) dan beramai-ramai (secara berjama’ah).

Allah Subhanahu wa Ta’ala memerintahkan kita supaya berzikir dengan suara yang tidak keras (dengan perlahan). (Rujuk surah al-A’raaf, 7: ayat 55 dan 205, lihat Tafsir Ibni Katsir berkenaan ayat tersebut).

Nabi Shallallahu ‘alaihi wa Salam melarang berzikir dengan suara yang keras sebagaimana yang diriwayatkan oleh imam al-Bukhari, Muslim, dan selainnya.

Imam asy-Syafi’i rahimahullah menganjurkan supaya imam atau makmum tidak mengeraskan bacaan zikir.[74]

6 – Membiasakan berdoa di setiap selepas solat fardhu dan dengan mengangkat (menadah) tangan. Perbuatan ini sebenarnya tiada contohnya dari Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wa Salam.[75]

7 – Saling bersalam-salaman dengan para jama’ah solat sebaik sahaja selesai solat fardhu berjama’ah. Padahal, tidak ada pun contoh dari mana-mana para Sahabat atau pun Salafush Soleh radhiyallahu ‘anhum yang melakukan amalan tersebut. Jika sekiranya perbuatan tersebut adalah baik, maka sudah pasti riwayatnya akan sampai kepada kita, dan ulama akan menukil serta menyampaikannya kepada kita dengan sandaran yang shahih.

---

[72] Hadis Riwayat Abu Daud (no. 1502) dan at-Tirmidzi (no. 3486), Shahih at-Tirmidzi (3/146, no. 2714), Shahih Abi Daud (1/280, no. 1330), al-Hakim (1/547), dan al-Baihaqi (2/253). Hadis ini Shahih.

[73] Hadis Riwayat Abu Daud (no. 1501), at-Tirmidzi (no. 3486), dan al-Hakim (1/547). Dihasankan oleh imam an-Nawawi dan Ibnu Hajar al-‘Asqalani.

[74] Lihat kitab Fathul Bari (2/326) dan al-Qaulul Mubin (m/s. 305)

[75] Lihat Zaadul Ma’ad (1/257) tahqiq syaikh Syu’aib al-Arnauth. Majmu’ al-Fatawa, syaikh bin Baaz (11/167-168).

Para ulama menyatakan bahawa perbuatan tersebut adalah bid'ah yang diada-adakan di dalam agama.[76]

Perbuatan atau amalan berjabat tangan adalah dianjurkan, akan tetapi menetapkannya sebagai suatu amalan di setiap kali selesai solat fardhu adalah tidak ada contoh mahu pun sandarannya dari sunnah. Wallahu a'lam bish shawwab.

BIBLIOGRAFI

1 – Tafsir al-Qur'an al-Azim (Ibnu Katsir), al-Hafiz 'Imadudin Abul Fida' Ismail bin Katsir al-Qurasyi ad-Dimasyqi, cet. Maktabah Darus Salam th. 1413H.

2 – Shahih al-Bukhari, Imam Abu 'Abdillah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, cet. Darus Salam, Riyadh th. 1417H dan cet. Darul Fikr, Beirut th. 1401.

3 – Shahih Muslim, Imam Abu Husain Muslim bin Hajjaj al-Qusyairi an-Naisaburi, tahqiq dan tarqim Muhammad Fu'ad 'Abdul Baqi cet. Darul Hadis, Kairo th. 1412H dan cet. Darul Fikr, Beirut.

4 – Sunan Abi Daud, Imam Abu Daud Sulaiman bin al-Asy'ats as-Sijistani, cet. Baitul Afkar ad-Dauliyah, Riyadh th. 1420H.

5 – Jami' at-Tirmidzi (Sunan at-Tirmidzi), Imam Abu 'Isa bin Saurah at-Tirmidzi, cet. Baitul Afkar ad-Dauliyah, Riyadh th. 1420H.

6 – Sunan an-Nasa'i, Imam 'Abdurrahman Ahmad bin Syu'aib bin 'Ali an-Nasa'i, syarah al-Hafiz Jalauddin as-Suyuti, cet. Darul Fikr, Beirut th. 1348H.

7 – Sunan Ibni Majah, Imam Abu 'Abdillah Muhmmad bin Yazid Ibnu Majah, cet. Baitul Afkar ad-Dauliyah, Riyadh th. 1420H.

8 – Sunan ad-Darimi, Imam Abu Muhammad 'Abdullah bin 'Abdurrahman bin Fadhl bin Bahram ad-Darimi, cet. Darul Fikr, Kairo th. 1398H.

9 – Mawariduzh Zham'an ila Zawa'idi Ibni Hibban, al-Hafiz Nuruddin 'Ali bin Abi Bakr al-Haitsami, cet. Darul Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut.

[76] Al-Qaulul Mubin fi Akhtha'il Musollin (m/s. 293-294) – syaikh Masyhur Hasan Salman.

10 – al-Mustadrak, Imam al-Hakim Abu ‘Abdillah Muhammad bin ‘Abdillah an-Naisaburi, talkhish al-Hafiz adz-Dzahabi, cet. Darul Fikr, Beirut th. 1398H.

11 – al-Musnad, Imam Ahmad bin Hanbal.

12 – al-Adabul Mufrad, Imam al-Bukhari.

13 – ‘Amalul Yaum wa-Lailah, Imam an-Nasa’i, cet. Darul Fikr.

14 – ‘Amalul Yaum wal-Lailah, Imam Ibnus Sunni, tahqiq dan tahkrij Abu Muhmmad ‘Abdurrahman Kansar al-Barni, cet. Darul Qiblat, Jeddah.

15 – Misykatul Mashabih, Muhammad ‘Abdillah al-Khatib at-Tibrizi, tahqiq Muhammad Nashiruddin al-Albani.

16 – Shahih al-Adabil Mufrad, Imam Muhammad Nashiruddin al-Albani, cet. 2 Dar ash-Shiddiq 1415H.

17 – Shahih Sunan Abi Daud bi Ikhtisharis Sanad, Muhammad Nashiruddin al-Albani, cet. Maktabah at-Tarbiyah al-‘Arabi li Duwal al-Khalij th. 1408H.

18 – Shahih Sunan at-Tirmidzi bi Ikhtisharis Sanad, Muhammad Nashiruddin al-albani, cet. 1 Maktabah at-Tarbiyah al-‘Arabi li Duwal al-Khalij th. 1408H.

19 – Shahih Sunan Ibni Majah bi Ikhtisharis sanad, Muhammad Nashiruddin al-Albani, cet. 1 Maktabah at-Tarbiyah al-‘Arabi li Duwal al-Khalij th. 1408H.

20 – Shahih Ibni Khuzaimah, Imam Abu Bakar Muhammad bin Ishaq bin Khuzaimah as-Sulami an-Naisaburi, cet. Al-Maktab al-Islami.

21 – Shahih al-Jami’ish Shaghir, Muhammad Nashiruddin al-Albani.

22 – Silsilah al-Ahadis ash-Shahihah, Muhammad Nashiruddin al-albani, cet. Maktabah al-Ma’arif.

23 – Silsilah al-Ahadis adh-Dha’ifah, Muhammad Nashiruddin al-Albani.

24 – Shahih at-Targhib wat Tarhib 1-3, cet. 1 Maktabah al-Ma’arif 1412H.

25 – Majmu’ Fatawa, Syaikh ‘Abdul ‘Aziz bin ‘Abdullah bin Baaz, cet. Darul Qasim 1420H.

26 – al-Adzkar, Imam Abu Zakariyya Muhyiddin Yahya bin Syaraf an-Nawawi, wafat 676H.

27 – Shahih Kitab al-Adzkar wa Dha’ifah, Abu Usamah Salim bin ‘Ied al-Hilali, cet. 1 Maktabah al-Ghuraba’, Madinah 1413H.

28 – al-Kalimuth Thayyib, Syaikhul Islam Taqiyyudin ahmad bin ‘abdul Halim Ibnu Taimiyah al-Harrani ad-Dimasyqi, tahqiq al-Albani, cet. 1 Maktabah al-Ma’arif, Saudi Arabia tahun 1422H/2001M.

29 – Shahih al-Wabilish shayyib minal Kalimith Thayyib, Ibnu Qayyim al-Jauziyah, tahqiq dan takhrij Syaikh Salim ‘Ied al-Hilali, cet. 3 Dar Ibnil Jauzi tahun 1416H.

30 – Tashhihud Du’a, Syaikh Bakr bin ‘Abdillah Abu Zaid, cet. 1 Darul ‘Ashimah 1419H.

31 – Hisnul Muslim min Adzkaril Kitab was Sunnah, Syaikh Sa’id bin ‘Ali bin Wahf al-Qahthani, cet. 5 tahun 1421H.

32 – Wirdush Shabab wal Masa’ minal Kitab was Sunnah, Syaikh Sa’id bin ‘Ali bin Wahf al-Qahthani, cet. 2 tahun 1411H.

33 – Fathul Bari Syarh Shahih al-Bukhari, al-Hafiz Ibnu Hajar al-‘Asqalani, cet. Darul Fikrm, Beirut.

34 – Tuhfatul Ahwadzi Syarh Sunan at-Tirmidzi, cet. Darul Fikr.

35 – Syarhun Nawawi li Shahih Muslim, cet. Darul fikr.

36 – Zaadul Ma’ad fi Hadyi Khairil ‘Ibad, Imam Ibnu Qayyim al-Jauziyyah, tahqiq Syu’aib al-Arnauth dan ‘Abdul Qadir al-Arnauth, cet. Ke-25 Mu’assasah ar-Risalah, Beirut 1412H.

37 – al-I’tisham, Imam asy-Syatibi, tahqiq Abu Usamah Salim bin ‘Ied al-Hilali, cet. Dar Ibni ‘Affan th. 1412H.

38 – as-Sunah wal Mubtada’at, ‘Amr ‘Abdul Mun’im Salim, cet. 1 Mu’assasah ar-Rayyan 1420H.

39 – al-Qaulul Mubin fi Akhtha'il Musollin, Syaikh Masyhur Hasan Salman Alu Salman, cet. 4 Dar Ibnil Qayyim 1416H.

40 – Majma'uz Zawa'id wa Manba'ul Fawa'id, al-Hafiz Nuruddin 'Ali bin Abi Bakar al-Haitsami, cet. Darul Kitab al-'Arabi, Beirut th. 1402H.

41 – Dan kitab-kitab lainnya.